# LAPORAN TAHUNAN
## 2018



**PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN**

www.perak.gov.my

# LAPORAN TAHUNAN 2018
## PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN

www.perak.gov.my



© Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan,
Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000, Ipoh, Perak

05-2095000 (Talian Umum)



# Sidang Pengarang

## Penaung

**YB Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman**
*Setiausaha Kerajaan Kerajaan Negeri Perak*

## Penasihat

**YBrs. Puan Nor Sham binti Rahman**
*Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)*

## Ketua Penyunting

**Nurdina binti Muhammad**
*Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Korporat*

## Urus setia Penerbitan

**Roslan bin Jamaluddin**
**Azmi bin Mohamed Asmayatim**

## Fotografi

**Nor Azman bin Zambahari**

## Penerbitan

**Bahagian Korporat**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



## Penyunting

**Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)**

**Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Menteri Besar Perak**

**Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat**

**Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan**

**Setiausaha Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

**Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan**

**Ketua Audit Dalam**

**Pengarah Majlis Sukan Negeri**

**Pengarah Lembaga Muzium Negeri Perak**



Prakata YAB Menteri Besar Perak m/s iv

# Isi Kandungan


Prakata m/s iv

- YAB Menteri Besar Perak
- YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Maklumat Korporat m/s xii

- Visi, Misi dan Objektif

Pejabat YAB Menteri Besar Perak m/s 1

Bahagian Khidmat Pengurusan m/s 23

Unit Perancang Ekonomi m/s 55



Pejabat YAB Menteri Besar Perak m/s 1



Bahagian Pengurusan Maklumat m/s 101



Bahagian Kerajaan Tempatan m/s 121


Unit Perancang Ekonomi m/s 55


Bahagian Pengurusan Sumber Manusia m/s 77


Bahagian Pengurusan Sumber Manusia m/s 77

Bahagian Pengurusan Maklumat m/s 101

Bahagian Kerajaan Tempatan m/s 121

Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan m/s 131

Bahagian Korporat m/s 145

Bahagian Audit Dalam m/s 157

Majlis Sukan Negeri m/s 171

Lembaga Muzium Negeri Perak m/s 185

# Prakata

## YAB MENTERI BESAR PERAK

Assalamualaikum WarahMatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji-pujian ke hadrat Allah S.W.T. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penjawat awam, khususnya kakitangan SUK Negeri Perak di atas semangat profesionalisme dan kesetiaan yag ditunjukkan dalam menjalankan amanah masing-masing susulan pertukaran kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei 2018 yang lalu.

Sebagai tulang belakang kepada kerajaan negeri, saya menaruh sepenuh keyakinan kepada para penjawat awam untuk sentiasa bersatu dan bergerak sederap langkah dengan pihak pentadbiran dalam meneruskan agenda memperkasakan sistem penyampaian serta agenda pembangunan seperti yang direncanakan dalam Bajet 2019 Negeri Perak.

Bagi memacu harapan ini, saya dengan rendah hati mengajak semua penjawat awam untuk sentiasa berpegang kepada halatuju yang telah dibentangkan pada majlis Executive Talk dan Amanat Tahun 2019 pada Januari lalu. Marilah kita kembali kepada tugas hakiki kita sebagai penjawat awam dan berpegang kepada teras utama penjawat awam iaitu sentiasa komited, jujur, integriti, sentiasa mematuhi undang-undang, bertanggungjawab, setia kepada kerajaan, mengutamakan kesaksamaan dan keadilan serta, mengekalkan profesionalisme dan tekun dalam berkhidmat demi rakyat.

In shaa Allah, dengan menerapkan nilai-nilai ini dalam perkhidmatan, kita mampu menzahirkan impian mencapai lebih banyak kejayaan demi mengembalikan kegemilangan Negeri Perak.

Semoga Allah SWT merahmati usaha ini dan ditetapkan hati kita semua untuk terus bersatu dalam melaksanakan amanah kepada rakyat.

**DEMI RAKYAT, KERANA ALLAH, BERSAMA KITA BERUBAH**

Dengan ingatan tulus ikhlas,



YAB TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN



# Prakata

## YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, Laporan Tahunan Bagi Tahun 2018 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak ini dapat disiapkan. Seperti mana tahun-tahun yang lalu, buku laporan ini menyediakan maklumat pelaksanaan aktiviti serta pencapaian yang diperoleh bagi tahun 2018 oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Warga perkhidmatan awam perlu senantiasa peka dan responsif kepada peredaran zaman. Dari hari ke hari, rakyat sebagai pemegang taruh utama sentiasa menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi serta memenuhi ekspektasi. Justeru, tadbir urus Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak di bawah naungan DYMM Paduka Seri Sultan Perak hendaklah berevolusi secara berterusan, dan tidak hanya kekal dalam ruang lingkup gerak kerja konvensional. Setiap perancangan perlu diperhalusi dalam memastikan segala manfaat atas inisiatif dan usaha yang dilaksanakan sampai kepada kumpulan sasar. Pembangunan fizikal dan modal insan harus digerakkan dengan berhikmah dan strategik, untuk kebaikan bukan sahaja generasi masa kini, malah untuk generasi pada masa akan datang.

Sesungguhnya, kecemerlangan yang dicapai oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sepanjang tahun 2018 adalah bersandarkan atas komitmen jitu serta kerja berpasukan di kalangan warga kerja jabatan ini. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Apa yang pasti, tahun 2019 semestinya menjanjikan pelbagai cabaran baharu yang harus kita tempuhi dengan lebih proaktif.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah atas segala kejayaan yang dicapai oleh semua bahagian dan unit di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Semoga usaha cemerlang ini dapat diteruskan di masa mendatang demi memastikan kesejahteraan rakyat Negeri Perak yang tercinta.



YB TUAN HAJI ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK


ZAINAL AZMAN


Peristiwa
bergambar
2018
Sayangi
NIKE


DISEMPURNAKAN OLEH:
LPWP
福岡市
FUKUOKA CITY


MEMANAH PARA
MAHA 2018


WACANA HALATUJU
Peristiwa bergambar 2018
SUKMA XIX
Perak 2018

# Maklumat Korporat

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

## VISI

Menjadi jentera pentadbiran Kerajaan Negeri yang bertaraf global untuk kebajikan dan kesejahteraan yang berkualiti dan kemakmuran kepada rakyat.

## MISI

Memajukan penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui transformasi dan inovasi untuk memenuhi kehendak semua pelanggan dan rakyat.

## OBJEKTIF

1 Membangun penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus korporat, inovasi dan kreativiti yang berkualiti dan amalan mesra pelanggan dan rakyat.

2 Meningkatkan kemajuan sosio-ekonomi ke tahap berprestasi tinggi, lestari, seimbang dan adil.

3 Meningkatkan imej perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang mendahulukan pelanggan, proaktif dan cepat dalam mengatasi permasalahan pelanggan/rakyat.

# Carta Organisasi

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan




SILA BERURUSAN DI KAUNTER BAHAGIAN PENTADBIRAN,
PEJABAT MENTERI BESAR
PLEASE ENQUIRE AT THE ADMINISTRATION
COUNTER OF THE CHIEF MINISTER'S OFFICE



# PEJABAT YAB MENTERI BESAR PERAK

SUK2018

# Latar Belakang

Pejabat YAB Menteri Besar Perak

Pejabat Menteri Besar berperanan sebagai tonggak utama pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang dianggap pencetus dan penggerak dalam merealisasikan hasrat, wawasan dan pelaksanaan agenda pembangunan negeri. Idea, pendekatan, strategi pembangunan di cetus dan diilhamkan untuk memacu agenda mencapai hasrat kehendak serta memenuhi tuntutan dan menyampaikan hasrat rakyat agar dapat direalisasikan sepenuhnya. Secara umumnya, keberkesanan pentadbiran Pejabat Menteri Besar melambangkan imej dalam memacu kemajuan dan agenda pembangunan negeri demi kesejahteraan rakyat.

## VISI

Memperkasakan urus tadbir perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cemerlang berteraskan konsep 3P (Peranan, Persekitaran dan Pembangunan) mencakupi profesionalisme, integriti dan teknologi terkini ke arah mewujudkan perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dengan matlamat menjadikan Perak Darul Ridzuan sebuah Negeri Maju Berpendapatan Tinggi 2020.

## MISI

Misi Pejabat Menteri Besar adalah untuk memastikan hubungan Pentadbiran dan Penyelarasan Tindakan di antara YAB Menteri Besar Perak selaras dengan dasar-dasar yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

## OBJEKTIF

Bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri, objektif Pejabat Menteri Besar adalah untuk menentukan kesejahteraan rakyat dalam pembangunan fizikal dan kerohanian ke arah kestabilan negeri dalam bidang pertanian, ekonomi, politik dan sosial serta menentukan pelaksanaan dasar dan penyelarasan aktiviti-aktiviti dalam negeri berdasarkan konsep Perak Kembali Gemilang.

# TERAS
## PEJABAT YAB MENTERI BESAR

Teras Pejabat YAB MB ialah dasar, panduan dan pokok kepercayaan yang menjadi asas sesuatu tindakan yang perlu diamalkan oleh semua peringkat kakitangan Pejabat YAB Menteri Besar. 4 Teras ini mengemukakan panduan- panduan, contoh-contoh nilai dan etika serta amalan-amalan baik yang perlu diamalkan dan amalan-amalan negatif yang perlu dihentikan. Tumpuan utama setiap teras adalah berdasarkan keperibadian individu - individu. Ini didasarkan kepada kepercayaan bahawa nilai-nilai yang penting untuk membentuk peribadi yang tertentu dan peribadi ini pula akan mempengaruhi pembentukan organisasi yang berjaya.

### TERAS 01
### INTEGRITI

Amalan positif
- Sentiasa bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi
- Tekun dan sabar menjalankan tugas
- Boleh di harap untuk menyempurnakan tugas
- Mementingkan kualiti
- Bersikap profesional dan cekap
- Cepat,cermat dan berdisiplin
- Inisiatif



### TERAS 02
### KEBIJAKSANAAN BERHIKMAH

Amalan Positif
- Berhati-hati apabila berbelanja
- Mengadakan sistem kewangan yang berkesan
- Tidak membazir harta kerajaan datangnya dari rakyat
- Bertanggungjawab ke atas setiap perbelanjaan
- Tahu membezakan antara keperluan dengan kemewahan



### TERAS 03
### PENGURUSAN MASA

Amalan Positif
- Menepati Masa
- Menyegerakan Tugas
- Mempunyai Perancangan Waktu
- Bijak Menguruskan Masa Yang Diberi
- Menumpukan Masa kepada Kerja Produktif
- Menetapkan Target Date
- Menyelesaikan Tugas Dalam Masa Yang Ditetapkan



### TERAS 04
### KEPIMPINAN TELADAN

Amalan Positif
- Bermoral dan berakhlak tinggi
- Tertib dan beradab sepanjang masa
- Rajin dan kuat kerja
- Amanah dan bertanggungjawab
- Berbudi mulia serta merendahkan diri
- Gemar da cintakan ilmu yang bermanfaat



Pengenalan Setiap

# Unit Bahagian

Struktur Organisasi Pentadbiran Pejabat YAB Menteri Besar Perak dikoordinasi oleh empat unit utama iaitu:

1. Unit Setiausaha Politik
2. Unit Pentadbiran dan Kewangan
   i. Unit Sulit
   ii. Unit Kediaman
   iii. Unit Pembangunan Dan Seranta
   iv. Unit Pembangunan Modal Insan
3. Unit Komunikasi dan Media
4. Unit Pegawai Khas Kanan

## UNIT SETIAUSAHA POLITIK

1 **Unit Setiausaha Politik (SUPOL)** merupakan unit yang menguruskan hal ehwal politik YAB MB di kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakili YAB Menteri Besar. Apabila seseorang Ahli Undangan Negeri dilantik menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri, dia dibenarkan melantik beberapa orang pembantu untuk membantunya dalam tugas-tugas harian termasuklah Setiausaha Politik. Tugas utama SUPOL ialah membuat laporan bertulis mengenai apa jua hal yang berkaitan politik, sama ada politik dalaman parti yang diwakili YAB Menteri Besar atau perkembangan politik parti-parti komponen ataupun parti pembangkang. Semua hal-ehwal berkaitan Parti yang diwakili YAB Menteri Besar di kawasan jajahan yang diwakili hendaklah diambil tahu dan dilaporkan kepada YAB Menteri Besar. Ini penting kerana YAB Menteri Besar perlu mendapat tahu atau mendapat maklumat terkini supaya dapat membuat sebarang keputusan yang perlu berkaitannya.

## UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1 **Unit Pentadbiran dan kewangan (UPK)** merangkumi 3 Sub-Unit yang mempunyai fungsi masing-masing iaitu Unit Sulit, Unit Kediaman dan Unit Pembangunan Seranta. UPK adalah nadi kepada Pejabat Y.A.B Menteri Besar Perak. Unit ini berperanan untuk menyelaras dan mengurus hal ehwal pentadbiran & kewangan dan memastikan urusan perjawatan di kemas kini masa ke masa. UPK juga dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan penilaian prestasi tahun, SKT kakitangan dan minda insan di kalangan kakitangan pejabat. Selain itu, Unit ini menyediakan bajet berhemah bagi mengawal dan mengurus perbelanjaan mengikut peraturan prosedur kewangan mengikut arahan yang ditetapkan. Seterusnya, UPK memainkan peranannya dalam menyusun atur jadual mesyuarat pengurusan pegawai & kakitangan dan merancang program latihan dan kursus bersesuaian untuk pembangunan kakitangan serta segala urusan yang melibatkan Pingat kebesaran.

2 **Unit Sulit** merupakan Sub-Unit yang bertanggung jawab membantu YAB Menteri Besar untuk merancang/mengorganisasikan pengurusan pentadbiran Pejabat YAB Menteri Besar Perak. Selain itu, unit ini turut berperanan

melaksanakan dan memantau keselamatan dan kerahsiaan pentadbiran YAB Menteri Besar Perak.

3 **Unit Kediaman** dipertanggungjawabkan untuk pengurusan isu dan masalah kediaman. Selain itu, unit ini juga berkoordinasi dengan bahagian pentadbiran Pejabat Menteri Besar Perak dalam menyenaraikan dan mengambil tindakan keperluan kediaman. Seterusnya, Unit Kediaman juga memastikan kediaman sentiasa terurus, di selenggara dan memenuhi kehendak keperluan majikan serta Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk penambahbaikan. Selanjutnya, unit kediaman Membantu menguruskan acara/acara program melibatkan kediaman (Pentadbiran & NGO).

4 **Unit Pembangunan dan Seranta (UPS)** Unit ini dijenamakan semula selaras dengan pendekatan YAB Menteri Besar Perak untuk Menerajui pembangunan sosioekonomi, infrastruktur dan pembangunan mencakupi pelbagai aspek. Selain itu, Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kegiatan sosio ekonomi dan budaya. Selain itu, UPS diamanahkan menyelaras dan memantau permohonan dan aduan berkaitan hal ehwal tanah, bantuan dan lain-lain daripada Institusi/Syarikat/Orang Awam kepada YAB Menteri Besar Perak dengan Jabatan/ Agensi berkaitan. Selain itu, Unit ini menyelaras Program Turun Padang Perak Kembali Gemilang YAB Menteri Besar (Turpa), Walkabout dan pengurusan aduan/permohonan di daerah-daerah dengan kerjasama Jabatan/Agensi berkaitan memantau setiap aduan dan permohonan diambil tindakan oleh jabatan dan agensi berkaitan, UPS berperanan menyediakan perancangan dan perbincangan dengan jabatan/agensi berkaitan. Selain itu, bagi aduan dan permohonan yang memerlukan tindakan segera UPS bertindak sebagai urus setia mesyuarat 'task force' untuk menyelaras dan mendapatkan maklum balas daripada jabatan/agensi berkaitan.

Fungsi unit ini turut diperluaskan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan/kemajuan projek-projek yang telah diluluskan di bawah pentadbiran YAB Menteri Besar Perak. Unit ini bertanggung jawab mengendalikan sistem e-pantau dan sistem Pemantauan Turun Padang bagi memastikan pengemaskinian maklumat aduan/permohonan direkodkan dari masa ke semasa.

### ADUAN DAN PERMOHONAN YANG DITERIMA PEJABAT YAB MENTERI BESAR PERAK

Antara aduan dan permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

i. Tanah
ii. Bantuan kebajikan
iii. Bantuan Pelajaran
iv. Bantuan Rumah
v. Mikro Kredit
vi. Peruntukan/Sumbangan
vii. PLB (Projek Luar Bandar- Kampung)
viii. Politik
ix. PBT (Majlis Daerah/Perbandaran)

## UNIT KOMUNIKASI DAN MEDIA

1 **Unit Komunikasi dan Media (UKM)** menyelaras dan merancang sidang akhbar, persidangan akhbar, teks ucapan, penerbitan dan urusan dengan media. Selain itu, Unit ini bertanggungjawab dalam menyelaras komunikasi media dengan pegawai-pegawai daripada pelbagai jabatan/agensi berkaitan dan bertanggung jawab memberi nasihat kepada YAB Menteri Besar Perak dalam hal ehwal berkaitan perhubungan awam.

## UNIT PEGAWAI KHAS KANAN

1 **Unit Pegawai Khas Kanan (UPKK)** bertanggung jawab memantau dan membuat penyelarasan program dan aktiviti berkaitan Hal Ehwal Agama Islam termasuk penerangan serta aktiviti keagamaan YAB Menteri Besar Perak. Selain itu, unit ini bertanggung jawab menyelaras aktiviti sukan, program-program badan bukan kerajaan (NGO) dan program riadah YAB Menteri Besar Perak dengan jabatan atau agensi berkaitan. Seterusnya, UPKK bertanggung jawab menyelaras, menyusun dan melaksanakan permohonan-permohonan di Pejabat Menteri Besar Perak yang berkaitan hal ehwal kebajikan dan pelajaran dengan jabatan atau agensi berkaitan. Selanjutnya, Unit ini berperanan untuk mengatur dan membuat penyelarasan dengan jabatan dan agensi berkaitan program hari bertemu pelanggan bersama YAB Menteri Besar Perak setiap hari Selasa di Pejabat Menteri Besar.



# Gambar Aktiviti dan Program Turun Padang YAB Menteri Besar





















DUCATI






























NAIM
21








Signing ceremony


ANENG














































Sayangi













# Kunjung Hormat

YAB Menteri Besar Perak 2018

| | | | |
|---|---|---|---|
| **MEI** | | | |
| **22.05.2018** | **10.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Dato' Yusuf, Pengarah LAP | Pejabat Menteri Besar |
| | **10.30 pg** | Kunjung Hormat oleh En. Khairul Ridzuan b. Mat Said, Pengarah Majlis Keselamatan Negeri | Pejabat Menteri Besar |
| | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Tuan Syed Sharifudin, CEO PIMC | Pejabat Menteri Besar |
| | **12.00 tgh** | Kunjung Hormat oleh YBhg Tan Sri Nordin Kardi & Prof Dato' Dr. Wan Sabri Wan Yusoff, USAS | Pejabat Menteri Besar |
| **24.05.2018** | **10.00 pg** | Kunjung Hormat Perbadanan Usahawan Nasional Berhad Perak (PUNB) dan Kumpulan Usahawan PUNB Perak | Pejabat Menteri Besar |
| | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Pegawai Kanan dan Presiden-Presiden Kesatuan Gabungan CUEPACS Negeri Perak | Pejabat Menteri Besar |
| **25.05.2018** | **10.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Dato' Mohamed Zin b. Yusop, Pengarah Jabatan Perhutanan | Pejabat Menteri Besar |
| **JUN** | | | |
| **05.06.2018** | **1.00 ptg** | Perjumpaan Dengan Dato' Ir. Ahmad Zukni b. Ahmad Khalil, Pengarah Jabatan Mineral & Geosains | Pejabat Menteri Besar |
| | **3.30 ptg** | Kunjung Hormat oleh En. Muaz Omar, CEO Selgate | Pejabat Menteri Besar |
| **07.06.2018** | **10.00 pg** | Kunjung Hormat oleh TYT Andrew Goledzinowski Am, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **11.06.2018** | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Duta-Duta European Union | The Banjaran Hotsprings, Ipoh |
| **12.06.2018** | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh En. Roszamman b. Md. Nawi, Pengarah LHDN | Pejabat Menteri Besar |
| **JULAI** | | | |
| **05.07.2018** | **4.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh Institute of Engineers (IEM) Malaysia | Pejabat Menteri Besar |
| **OGOS** | | | |
| **08.08.2018** | **10.00 pg** | Kunjung Hormat oleh TYT Vicky Treadell, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |
| **14.08.2018** | **12.30 tgh** | Kunjung Hormat oleh Tan Sri Zaki, Ketua Pengarah ICU | Pejabat Menteri Besar |
| **SEPTEMBER** | | | |
| **04.09.2018** | **9.00 pg** | Kunjung Hormat oleh YB Menteri Pembangunan Luar Bandar | Pejabat Menteri Besar |
| | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh UniKL Royal College of Medicine Perak | Pejabat Menteri Besar |
| | **5.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh CEO UP Plantations Berhad | Pejabat Menteri Besar |
| **12.09.2018** | **6.00 ptg** | Kunjung Hormat Dato' Zainuddin, Duta Malaysia ke China | Kediaman Menteri Besar |
| **13.09.2018** | **12.00 tgh** | Kunjung Hormat oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Aset Air Berhad | Pejabat Menteri Besar |
| | **2.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya | Pejabat Menteri Besar |
| **20.09.2018** | **8.30 pg** | Kunjung Hormat YB Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulandandam, Menteri Air, Tenaga & Sumber Asli | Pejabat Menteri Besar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **20.09.2018** | **11.00 pg** | Kunjung Hormat oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Perumahan Negara Berhad | Pejabat Menteri Besar |
| | **12.00 tgh** | Kunjung Hormat oleh Ketua Setiausaha Negara | Pejabat Menteri Besar |
| **24.09.2018** | **9.00 pg** | Kunjung Hormat oleh YB Kula, Menteri Sumber Manusia | Pejabat Menteri Besar |
| | **12.00 tgh** | Kunjung Hormat oleh YB Senator Tuan Waytha Moorthy, Menteri di JPM | Pejabat Menteri Besar |
| | **2.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh Pengarah Keselamatan Negari | Pejabat Menteri Besar |
| **25.09.2018** | **2.30 ptg** | Kunjung Hormat oleh TYT Julia Greenwood Bentley, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |
| **OKTOBER** | | | |
| **02.10.2018** | **11.00 pg** | Kunjung Hormat TYT Gunn Jorid Roset, Duta Norway ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |
| **03.10.2018** | **4.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh The Rt Hon Mark Field (UK Minister for Commonwealth & Asia Pacific) | Pejabat Menteri Besar |
| **04.10.2018** | **9.00 pg** | Kunjung Hormat Pengarah MARA Negeri Perak | Pejabat Menteri Besar |
| **05.10.2018** | **3.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh TYT Ibete Fernandez Hernandez, Duta Cuba ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |
| **NOVEMBER** | | | |
| **28.11.2018** | **6.00 ptg** | Kunjung Hormat oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan | Kediaman Menteri Besar |
| **DISEMBER** | | | |
| **17.12.2018** | **3.00 ptg** | Kunjung Hormat TYT Khalid Ghanim AlGhaith, Duta Besar Emiriah Arab Bersatu ke Malaysia | Pejabat Menteri Besar |

# Mesyuarat

YAB Menteri Besar Perak 2018

## PERINGKAT NEGERI

i. Mesyuarat Exco
ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak
iv. Mesyuarat Ahli Lembaga Air Perak
v. Mesyuarat Panel Penasihat ICT Negeri
vi. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri
vii. Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Perak
viii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan Negeri
ix. Mesyuarat Lembaga Eksekutif Perak Investment Management Centre
x. Mesyuarat Pasukan Petugas Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Awam
xi. Mesyuarat Lembaga Pengampun Negeri Perak
xii. Mesyuarat Ahli Dewan Negara Perak
xiii. Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri
xiv. Mesyuarat Lembaga Biasiswa Negeri Perak
xv. Mesyuarat Ahli Majlis Agama Islam Perak
xvi. Mesyuarat Dewan Undangan Negeri
xvii. Mesyuarat Jawatankuasa Mineral Negeri
xviii. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembanteras (MTMD) Peringkat Negeri Perak
xix. Mesyuarat Pengurusan dan Kerajaan Tempatan

## PERINGKAT PERSEKUTUAN

i. Mesyuarat Majlis Raja-raja
ii. Mesyuarat Kewangan Negeri
iii. Mesyuarat Majlis Perhutanan Negara
iv. Mesyuarat Majlis bagi Hal Ehwal Agama Kebangsaan
v. Mesyuarat Majlis Sosial Negara


DARUL RIDZUAN



# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian

# Khidmat Pengurusan

## UNIT PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK

Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak bertujuan untuk memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada warganegara Malaysia khususnya Anak Perak yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi yang ditaja di bawah pinjaman ini.

### 1 PERUNTUKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2018

Bagi tahun 2018, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6,000,000.00 untuk tujuan penajaan pinjaman pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar baru dan pelajar-pelajar lama. Daripada nilai peruntukan yang diluluskan ini agihan telah dibuat kepada tiga (3) akaun amanah yang terlibat iaitu sebanyak RM4,500,000.00 kepada Akaun Amanah Melayu, RM1,000,000.00 kepada Akaun Amanah Bukan Melayu dan RM500,000.00 kepada Akaun Amanah Pengajian Islam.



## 2 PENAWARAN PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI NEGERI PERAK SESI 2018/2019 MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN

Permohonan bagi Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak dibuat secara atas talian melalui pautan http://spptp.perak.gov.my. Bagi tahun 2018, permohonan telah dibuka selama 80 hari mulai 10 Disember 2017 sehingga 28 Februari 2018. Setelah selesai saringan dan sesi temuduga, seramai 500 pelajar telah ditawarkan Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak dan pecahan pelajar tersebut adalah seperti berikut:

| Bil | Peringkat Pengajian | Melayu | Bukan Melayu | Pengajian Islam | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Diploma | 79 | 4 | 3 | 84 |
| 2 | Ijazah/Sarjana Muda | 305 | 45 | 2 | 352 |
| 3 | Ijazah Sarjana | 34 | 7 | 4 | 45 |
| 4 | Ijazah Kedoktoran (PhD) | 11 | 4 | 2 | 17 |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **429** | **60** | **11** | **500** |



## 3 PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI PERAK DALAM TEMPOH TIGA TAHUN TERKINI

Sehingga 31 Disember 2018, Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Perak telah mengutip sebanyak RM 3,445,163.85 bayaran balik pinjaman pelajaran daripada para peminjam. Berikut adalah perbandingan Laporan Kutipan Bayaran Balik daripada tahun 2016 hingga sehingga 31 Disember 2018:

| Bil | Tahun | Melayu (RM) | Bukan Melayu (RM) | Pengajian Islam (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 2016 | 2,171,234.93 | 554,793.51 | 85,900.00 | 2,811,928.44 |
| 2 | 2017 | 3,494,143.84 | 920,271.03 | 168,333.00 | 4,582,747.87 |
| 3 | 2018 | 2,789,384.64 | 470,479.34 | 185,299.87 | 3,445,163.85 |



## 4 LAPORAN TUNGGAKAN PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI PERAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

Sehingga 31 Disember 2018, tunggakan pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak adalah sebanyak RM 9,388,152.93. Laporan tunggakan mengikut akaun adalah seperti berikut:

| Akaun Amanah | Jumlah Tunggakan (RM) |
|---|---|
| Melayu | 8,068,744.11 |
| Bukan Melayu | 1,319,408.82 |
| Pengajian Islam | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | **9,388,152.93** |




## 5 DASAR PINJAMAN BOLEH UBAH BAGI PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI PERAK

Dasar pinjaman boleh ubah atau biasiswa telah diperkenalkan sebagai anugerah dan pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang di atas usaha gigih mereka. Mesyuarat Lembaga Tabung Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-Anak Perak yang bersidang pada 23 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Perak telah memutuskan Dasar Pinjaman Boleh Ubah ini berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2006 bagi pelajar-pelajar sesi 2005/2006 yang menamatkan pengajian pada tahun 2008 dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama serta mencapai purata Gred Kumulatif (CGPA) 3.75 ke atas atau setaraf dengannya.

Bagi tahun 2018, Mesyuarat Lembaga Tabung Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-Anak Perak yang bersidang pada 24 Mei 2018 telah bersetuju meluluskan sebanyak 32 permohonan yang berjumlah RM 662,100.00 kepada peminjam untuk menukar status Pinjaman Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Perak kepada Biasiswa atas faktor kecemerlangan semua pelajar ini.

**Laporan Jumlah Penerima Faedah Pinjaman Boleh Ubah (Biasiswa) Yang Bergraduasi Dengan Ijazah Kelas Pertama Bagi Tahun 2018**

| Akaun Amanah | Bil Penerima Biasiswa (Orang) | Jumlah Biasiswa (RM) |
|---|---|---|
| Melayu | 26 | 443,600.00 |
| Bukan Melayu | 6 | 218,500.00 |
| Pengajian Islam | Tiada | - |
| **Jumlah** | **32** | **662,100.00** |

# UNIT KEWANGAN

Unit Kewangan bertanggungjawab mengurus dan mengawal Peruntukan Belanja Mengurus, Pembangunan, Akaun Amanah mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

## 1 PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan Mengurus di bawah Vot B04 Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah RM82,314,317.00 Dari jumlah ini sebanyak RM79,643,898.05 atau 96.8% telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2018. Peruntukan dan Prestasi perbelanjaan mengikut bahagian ditunjukkan dalam jadual berikut:

| Bil | Jabatan | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Bhg. Khidmat Pengurusan (B04) | 21,571,175.00 | 120,902,055.45 | 97% |
| 2 | Pejabat YAB. Menteri Besar (B04) | 5,296,613.00 | 5,017,693.42 | 95% |
| 3 | Bhg. Pengurusan Sumber Manusia (B04) | 10,695,008.46 | 10,421,841.21 | 97% |
| 4 | Bhg. Kerajaan Tempatan (B04) | 1,683,211.00 | 1,676,543.00 | 99% |
| 5 | Unit Perancang Ekonomi Negeri (B04) | 2,436,361.54 | 2,276,039.25 | 94% |
| 6 | Bhg. Pengurusan Maklumat (B04) | 2,973,253.00 | 2,695,585.92 | 91% |
| 7 | Majlis Sukan Negeri (B04) | 11,160,369.00 | 11,085,937.85 | 99% |
| 8 | Unit Audit Dalam (B04) | 552,758.00 | 530,953.24 | 97% |
| 9 | Bhg. Korporat (B04) | 1,527,558.00 | 1,377,873.24 | 90% |
| 10 | Muzium (B04) | 3,404,425.00 | 3,352,628.92 | 98% |
| 11 | Bhg. Dewan Negeri & MMK (B01) | 21,013,585.00 | 20,306,746.55 | 97% |
| | **JUMLAH** | **82,314,317.00** | **79,643,898.05** | **97%** |

*Perbelanjaan Mengurus Vot B04 dan B01*

*Catatan:*
*Data diambil dalam sistem SPEKS pada 31/12/2018.*

## UNIT SETOR

Berperanan bagi mengurus perolehan, penerimaan, perekodan, penyimpanan penyelenggaraan dan pengeluaran stok kepada bahagian-bahagian.

Kedudukan stok sehingga 30 September 2018, Stok Sedia Ada bernilai RM 198.80 Jumlah pembelian bernilai RM 86,025.00 dan pengeluaran bernilai RM 20,213.95. Baki stok pula ialah RM 65,907.85 dengan Kadar Pusingan Stok 1.63.

Kedudukan Aset terdiri Harta Modal dan Inventori adalah seperti berikut:

- Harta Modal berjumlah 57 buah bernilai RM 678,880.00
- Inventori berjumlah 147 buah bernilai RM 74,551.35

**1 JUMLAH KESELURUHAN ASET PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2018**

| Bil | Bahagian/Jabatan | Bil Harta Modal (Kew Pa 2) | Nilai Perolehan (RM) | Bil Aset Bernilai Rendah (Kew Pa 3) | Nilai Perolehan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Bahagian Khidmat Pengurusan | 12 | 496,840.00 | 71 | 52,212.35 |
| 2 | Pejabat Yab Menteri Besar | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 3 | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2 | 5,880.00 | 2 | 770.00 |
| 4 | Bahagian Kerajaan Tempatan | 5 | 17,283.00 | 10 | 3,790.00 |
| 5 | Bahagian Pengurusan Maklumat | 6 | 37,562.00 | 44 | 9,379.00 |
| 6 | Bahagian Dewan Negeri & MMK | 18 | 62,870.00 | 4 | 920.00 |
| 7 | Bahagian Korporat | 1 | 18,908.00 | 1 | 1,980.00 |
| 8 | Unit Audit Dalam | 3 | 7,997.00 | 0 | 0.00 |
| 9 | Majlis Sukan Negeri Perak | 0 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| 10 | Unit Perancang Ekonomi Negeri | 8 | 26,480.00 | 15 | 5,500.00 |
| 11 | Lembaga Muzium Negeri Perak | 2 | 5,060.00 | 0 | 0.00 |
| | **Jumlah Keseluruhan Aset** | **57** | **678,880.00** | **147** | **74,551.35** |

## PENGURUSAN STOR

| Tahun Semasa | Kedudukan Stok | | | | Kadar Pusingan Stok C [(a+d)/2] |
|---|---|---|---|---|---|
| | Sediada | Pembelian | Pengeluaran | Stok Semasa | |
| | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | Jumlah Nilai Stok (RM) | |
| | (a) | (b) | © | d= (a+b)- (c) | |
| Baki Bawa Hadapan | Baki Stok Akhir Tahun: 1,637.65 | | | | |
| Suku Tahun Pertama | 1,637.65 | 22,160.00 | 7,826.00 | 14,334.00 | 4.70 |
| Suku Tahun Kedua | 14,334.00 | 3,099.00 | 17,234.20 | 18.80 | 2.37 |
| Suku Tahun Ketiga | 198.80 | 86,025.00 | 20,315.95 | 65,907.85 | 1.63 |
| Suku Tahun Keempat | 65,907.85 | 16,527.40 | 58,059.82 | 24,375.43 | 1.29 |
| Baki Akhir Tahun | 65,907.85 | 16,527.40 | 58,059.82 | 24,375.43 | 1.29 |

## UNIT PEROLEHAN

Unit Perolehan bertanggungjawab memproses dan mengurus pembelian terus, sebut harga dan tender Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan secara cekap, berhemah dan mematuhi tatacara kewangan dan prosedur perolehan yang berkuatkuasa.

Pelaksanaan perolehan pada tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

| Bil | Aktiviti | Jumlah | Amaun |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembelian terus | 839 | RM5,893,360.62 |
| 2 | Sebut harga | 9 | RM433,723.00 |
| | **Jumlah** | | **RM6,327,083.62** |

*Jadual : Jumlah Perlaksanaan Perolehan bagi Tahun 2018*

### 1 INSURANS KEMALANGAN BERKELOMPOK PEMANDU KENDERAAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Seramai 353 orang Pemandu Kenderaan lantikan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah dilindungi Insurans Kemalangan Berkelompok oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan daripada Syarikat Takaful Malaysia.

## MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai Urusetia, Majlis Bersama Jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Jabatan lain yang termasuk dalam MBJ ini adalah Pejabat YAB Menteri Besar Perak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Majlis Sukan Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi Tahun seperti berikut:

- 28 Ogos 2018
- 6 Disember 2018

## UNIT SUMBER MANUSIA DAN KUALITI

Unit Sumber Manusia dan Kualiti berperanan dalam mengendalikan hal-hal berkaitan perkhidmatan dan menjadi penyelaras bagi audit, kursus serta latihan di Bahagian Khidmat Pengurusan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2018 di peringkat Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut:

### 1 BENGKEL KAJIAN SEMULA DAN PEMBENTANGAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) KUMPULAN PENGURUSAN PENTADBIRAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN TAHUN 2018

Bengkel Kajian Semula dan Pembentangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Kumpulan Pengurusan Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan Tahun 2018 telah dilaksanakan pada 1-3 Mac 2018 bertempat di Marina Island Pangkor Resort & Hotel. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mengkaji semula Sasaran Kerja Tahunan semasa bagi setiap unit di Bahagian Khidmat Pengurusan. Penetapan seperti penambahan atau penguguran sasaran kerja tahunan akan diputuskan semasa bengkel ini berlansung.






## UNIT PENYELARASAN DAERAH

Menyelaras dan menguruskan mesyuarat dasar dan projek Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Mesyuarat YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bersama Pegawai Daerah dan Datuk Bandar/ Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak dan urusan pelantikan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Perak.

### 1 MESYUARAT YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH DAN DATUK BANDAR/YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK TAHUN 2018

Mesyuarat telah diadakan sebanyak satu (1) kali iaitu pada 17 April 2018 bertempat di Aras 2, Menara SSI, SOHO Ipoh.











## 2 PELANTIKAN PENGERUSI MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) NEGERI PERAK

Selaras dengan keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang lalu, yang mana telah berlaku perubahan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui surat bertarikh 17 Mei 2018 telah mengeluarkan surat arahan penangguhan sementara urusan berkaitan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP).

Pada 27 Jun 2018 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar telah memberi kenyataan media berkaitan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri mengenai cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk menstrukturkan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan menjenamakan semula JKKK sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Selaras dengan keputusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke atas dasar baru pelantikan MPKK ini, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah diarahkan untuk melantik Pengerusi MPKK berdasarkan senarai pencalonan daripada Pegawai Daerah dengan kerjasama ADUN / Penyelaras DUN di setiap daerah. Senarai calon-calon ini telah dihantar kepada YB EXCO Luar Bandar untuk dibuat pemilihan akhir sebelum diangkat kepada YAB Menteri Besar Perak.

Pada 1 Ogos 2018 yang lalu, seramai 621 Pengerusi MPKK Negeri Perak telah diperakui pelantikan oleh YAB Menteri Besar Perak bagi sesi lantikan penggal baru Fasa Pertama, dan seramai 126 Pengerusi MPKK telah dilantik Fasa Kedua berkuatkuasa 1 September 2018. Seterusnya, bagi lantikan Fasa Ketiga, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelantikan Pengerusi MPKK berkuatkuasa mulai 1 November 2018 yang melibatkan seramai 41 orang. Kesemua 788 orang Pengerusi MPKK yang telah dilantik ini telah memulakan tugas sebagai Ketua Kampung dan telah diarahkan untuk menubuhkan ahli-ahli MPKK di kampong masing-masing. Manakala baki seramai 41 calon masih dalam proses semakan dan akan diperhalusi semula untuk pelantikan. Fasa Keempat, dijangka pada awal tahun 2019.

Pada 22 November 2018 telah diadakan Majlis Penyampaian Watikah Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Perak bertempat di Dewan Terbuka, Kediaman Lama YAB Menteri Besar Perak, Jalan Raja DiHilir, Ipoh. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

## UNIT PENGURUSAN BANGUNAN

Unit Pengurusan Bangunan diwujudkan bagi melaksanakan tugas-tugas mengurus kerja- kerja penyelenggaraan, pembangunan dan naiktaraf bangunan-bangunan di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pencapaian pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, pembangunan dan naiktaraf yang telah dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Bangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak adalah seperti berikut:

| Bil | Perkara Peruntukan | Kuantiti Kerja | Kos Peruntukan (RM) | Kos Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Peruntukan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan-Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak | 60 | 725,000.00 | 666,391.50 |
| 2 | Peruntukan Kerja Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Sekitar Ipoh | 10 | 150,000.00 | 131,166.50 |
| 3 | Peruntukan Kerja-Kerja Pembangunan dan Naiktaraf Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak (One-off) | 0 | 500,000.00 | Diserahkan kepada JKR Kinta untuk dilaksanakan kerana kerja-kerja melibatkan struktur bangunan yang perlu disahkan oleh jurutera |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **70** | **875000.00** | **797,558.00** |




Peruntukan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan-Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak




Peruntukan Kerja Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Sekitar Ipoh




Peruntukan Kerja-Kerja Pembangunan Dan Naiktaraf Bangunan Di Bawah Seliaan SUK Perak

## UNIT KUARTERS

Berperanan memberikan perkhidmatan penyewaan kemudahan dan penyelenggaraan bangunan khususnya di Bangunan Perak Darul Ridzuan dan juga Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan. Unit ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan penyewaan rumah kerajaan (kuarters) dan penyewaan Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA).



*Rumah Kerajaan (Kuarters)*

Menguruskan penyewaan sebanyak 59 buah rumah kerajaan di sekitar kawasan Ipoh. Bilangan kuarters mengikut kelas adalah seperti jadual berikut:

| Bil | Kelas Rumah | Bilangan Rumah (unit) |
|---|---|---|
| 1 | A | 4 |
| 2 | B | 12 |
| 3 | C | 26 |
| 4 | E | 10 |
| 5 | F | 2 |
| 6 | I | 5 |
| | **Jumlah** | **59** |

Kadar pemotongan gaji bagi penyewa yang menduduki Rumah Kerajaan Biasa (kuarters/ rumah kerajaan) adalah sebanyak 100% Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan 75% Imbuhan Tetap Kakitangan Awam (ITKA).

## UNIT KENDERAAN

### 1 PENDAHULUAN

1.1 Unit kenderaan, Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan sebuah unit yang menguruskan hal ehwal pentadbiran berkaitan kenderaan dan pemandu bagi memastikan pengurusan kenderaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.

1.2 Berperanan menguruskan segala aktiviti yang melibatkan pengangkutan untuk pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan-jabatan lain dalam menjalankan urusan rasmi mereka.

1.3 Bertanggungjawab menyelenggara semua kenderaan dibawah seliaan Bahagian Khidmat Pengurusan dan memastikan kenderaan tersebut selamat digunakan berpandukan pekeliling perbendaharaan yang telah ditetapkan oleh kementerian kewangan.

## 2 FUNGSI UNIT

Antara fungsi lain unit ini adalah seperti dibawah:

2.1 Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk pegawai-pegawai dan staff Pejabat-pejabat dibawah pentadbiran dan jabatan-jabatan lain untuk urusan rasmi.

2.2 Bertanggungjawab menyediakan kenderaan lawatan rasmi oleh Tetamu Kerajaan Negeri, Pembesar-pembesar Negara, Menteri-menteri Persekutuan dan Tetamu-tetamu penting daripada luar negara.

2.3 Menjadi urusetia pegerakan kenderaan Tetamu utama kerajaan, Pembesar-pembesar Utama/ Pembesar-pembesar (VVIP/VIP) dalam dan luar negara yang diiringi motoked oleh PDRM sempena lawatan rasmi.

2.4 Bertanggungjawab membantu menyediakan kenderaan penggunaan rasmi Pejabat Istana DYMM dan Kerabat Diraja Negeri Perak.

2.5 Menguruskan jadual tugas pegerakan pemandu dan memastikan buku pegerakan kad inden, buku log kenderaan dan Buku log kad lalu lintas(TNGO) sentiasa dikemaskini

2.6 Menguruskan pembelian,pelupusan,penjualan dan pertukaran nama/hak milik kenderaan dengan jabatan berkaitan.

2.7 Menguruskan penyelenggaran,keselamatan dan kemalangan kenderaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

## 3 BILANGAN PEMANDU DAN PENEMPATAN

3.1 Unit ini mempunyai 42 orang kakitangan pemandu kenderaan (39 Pemandu Lelaki dan 3 Pemandu Wanita).

3.2 Seorang pemandu menggunakan perjawatan Unit Sulit gred jawatan H11 diletakkan secara pentadbiran di bahagian ini.

3.3 Senarai penempatan pemandu adalah seperti berikut:



## 4 PERJAWATAN PEMANDU

Senarai penjawatan adalah seperti berikut;

| Bil | Gred Jawatan | Jumlah Jawatan | Jawatan Diisi | Kekosongan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | H14 | 3 | 2 | 1 |
| 2 | H11 (TETAP) | 22 | 19 | 3 |
| 3 | H11 MENGISI R3 TETAP | 2 | 2 | 0 |
| 4 | R3 (KUP) TETAP | 5 | 4 | 1 |
| 5 | H11 (KONTRAK) | 11 | 11 | 0 |
| 6 | R3 (KONTRAK) | 3 | 3 | 0 |
| | **Jumlah** | **46** | **41** | **5** |

## 5 BILANGAN KENDERAAN DAN PENEMPATAN

5.1 Sebanyak 104 buah kenderaan berdaftar di bawah "Setiausaha Kerajaan Negeri Perak".

5.2 Sebanyak 61 buah yang diselia oleh unit kenderaan.

5.3 Lebihan 43 buah kenderaan ditempatkan di jabatan lain seperti di Jadual 4

5.4 Pecahan kenderaan yang diselia di bawah unit ini adalah seperti berikut;

| Bil | Jenis Kenderaan | Bil |
|---|---|---|
| 1 | Kereta Rasmi Jawatan/VIP | 28 |
| 2 | Kereta Sedan (Gunasama/Kumpulan) | 16 |
| 3 | Pacuan Empat Roda (4X4) | 6 |
| 4 | Bas | 6 |
| 5 | Lori | 2 |
| 6 | Van | 2 |
| 7 | Motorsikal | 1 |
| | **Jumlah** | **61** |



## 6 BILANGAN PEMBELIAN KENDERAAN BARU

Pada tahun 2018, empat (4) buah kenderaan telah dibeli, senarai kenderaan seperti berikut;

| Bil | Jenis Kenderaan | Nombor Pendaftaran | Tarikh Diterima | Warna |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PROTON PREVE 1.6 TURBO | AFX 100 | 4/10/2018 | GRAPHITE GREY |
| 2 | | ALD 151 | 4/10/2018 | |
| 3 | SUBARU FORESTER 2.0 | AKW 323 | 21/6/2018 | HITAM |
| 4 | | AKR 232 | 21/6/2018 | |

## 7 PELUPUSAN KENDERAAN

7.1 Sepanjang tahun 2018, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan dalam proses lupus.

7.2 Lembaga Pelupusan telah bersetuju membuat kaedah pelupusan secara sebutharga namun sehingga tarikh tutup tender tiada yang berminat.

7.2.1 Lembaga Pelupusan membuat pindaan kaedah pelupusan daripada sebutharga kepada Jualan Sisa namun sehingga tarikh tutup tiada yang berminat.

7.2.3 Lembaga Pelupusan membuat pindaan kaedah pelupusan daripada Jualan Sisa kepada pelupusan secara hadiah kepada institut pengajian kemahiran yang khusus dalam bidang automotif dan memerlukan kenderaan untuk dijadikan bahan pembelajaran.

7.3 Kaedah pelupusan secara hadiah kepada institut pengajian kemahiran mendapat sambutan ramai dari pelbagai jenis institut kemahiran, namun pelupusan tidak dapat dijalankan atas masalah Sijil Perakuan Pelupusan Kewpa 19 yang tamat tempoh dan perlu diperbaharui dan dinilai semula;

7.4 Senarai kenderaan dalam proses pelupusan dan perlu penilaian semula oleh pihak JKR adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Kenderaan | No. Pendaftaran | Usia Kenderaan |
|---|---|---|---|
| 1 | PROTON PERDANA V6 | AHU 838 | 14 TAHUN (2004) |
| 2 | PROTON PERDANA V6 | AGU 303 | 9 TAHUN (2009) |
| 3 | PROTON PERDANA V6 | AGU 300 | 9 TAHUN (2009) |
| 4 | PROTON PERDANA V6 | AGR 7711 | 14 TAHUN (2004) |
| 5 | PROTON PERDANA V6 | AGR 59 | 12 TAHUN (2006) |
| 6 | PROTON PERDANA V6 | AGR 1755 | 14 TAHUN (2004) |
| 7 | PROTON PERDANA V6 | AGU 151 | 9 TAHUN (2009) |
| 8 | MERCEDES BENZ ML 320 (SUV) | ALC 9566 | 17 TAHUN (2001) |
| 9 | FORD TRANSIT | AEC 7000 | 18 TAHUN (2000) |

## 8 JUMLAH KOS PEMBAIKAN

Tahun 2018 (Januari hingga November) terdapat sebanyak 335 jumlah pembaikan yang dilakukan dan jumlah kos keseluruhan pembaikan adalah sebanyak RM872,424.00. Pecahan jumlah pembaikan dan kos seperti berikut;

| Bil | Bahagian | Jumlah Pembaikan | Kos |
|---|---|---|---|
| 1 | 'POOL' BKP | 225 PEMBAIKAN | RM660,755.16 |
| 2 | EX-OFFICIO, EXCO, YDP DAN TIMBALAN YDP, PENASIHAT YAB MB | 110 PEMBAIKAN | RM211,668.84 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **335 PEMBAIKAN** | **RM872,424.00** |

# UNIT KERAIAN

## 1 PENDAHULUAN

Unit Keraian merupakan sebuah unit yang berperanan untuk menyelaras, mengadakan & membantu persiapan majlis-majlis yang diadakan di Negeri Perak sama ada majlis yang telah dirancang tahunan atau majlis luar jangka. Unit Keraian juga menyelaras persiapan lawatan/ kunjungan rasmi pembesar negara, orang-orang kenamaan dan kerabat DiRaja ke Negeri Perak.

## 2 BIDANG TUGAS

2.1 Mengurus setiakan mesyuarat majlis-majlis yang diadakan.

2.2 Mengeluarkan, mendapatkan senarai kehadiran penuh jemputan, dan membuat edaran kad dan surat jemputan yang berkaitan majlis kepada ketua-ketua jabatan, orang kenamaan Negeri dan orang perseorangan.

2.3 Bertugas di majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri Perak & Majlis-majlis yang dianjurkan oleh jabatan persekutuan di Negeri Perak Darul Ridzuan.

2.4 Memastikan majlis berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang kesulitan yang boleh mencemarkan nama baik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

2.5 Memastikan semua bayaran kepada pembekal dan jabatan yang bertugas diselesaikan mengikut tatacara kewangan dan kadar yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Kewangan Negeri Perak.

## 3 SENARAI MAJLIS RASMI TAHUNAN DIURUS SETIAKAN PENUH OLEH UNIT KERAIAN

| Bil | Perkara |
|---|---|
| 1 | Majlis Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Bangunan Perak Darul Ridzuan Bil 1,2,3 dan 4 |
| 2 | Majlis "Executive Talk" YAB Menteri Besar |
| 3 | Majlis "Executive Talk With" Sister Sarbia |
| 4 | Sambutan Hari Deepavali |

| Bil | Perkara |
|---|---|
| 5 | Sambutan Hari Raya YAB Menteri Besar |
| 6 | Sambutan Hari Raya YB Setiausaha Kerajaan |
| 7 | Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang |
| 8 | Majlis Bacaan Yassin Dan Tahlil Sempena Bulan Kebangsaan |
| 9 | Program Kayuhan Merdeka |
| 10 | Majlis Ambang Merdeka |
| 11 | Hari Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan |
| 12 | Majlis Jamuan Teh Dan Penyampaian Hadiah Hari Kebangsaan |
| 13 | Majlis Keagamaan Bukan Islam Sempena Bulan Kebangsaan |
| 14 | Sambutan Hari Kebangsaan Dalam Kalangan Belia |
| 15 | Hari Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah |
| 16 | Sambutan Hari Malaysia |
| 17 | Majlis Bacaan Yassin Dan Tahlil Sempena Hari Pahlawan |
| 18 | Majlis Istiadat Hari Pahlawan |
| 19 | Majlis Santapan Bersama DYMM Sultan Perak Sempena Hari Pahlawan |
| 20 | Majlis Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Perak |
| 21 | Majlis Hari Raya Aidilfitri YB Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 22 | Majlis Perasmian Desa Harapan |
| 23 | Majlis Penyerahan Bubur Lambuk |
| 24 | Majlis Penyerahan Juadah Hari Raya Aidilfitri |
| 25 | Majlis Perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Bersama Penjawat Awam Bangunan Perak Darul Ridzuan |
| 26 | Majlis Perpisahan YB Setiausaha Kerajaan Negeri |
| 27 | Majlis Perasmian Sukan Orang Pekak Malaysia |
| 28 | Majlis Penutup Sukan Orang Pekak Malaysia |
| 29 | Majlis Makan Malam Sukma XIX Perak |
| 30 | Majlis Perkampungan Sukma XIX Perak |
| 31 | Majlis Makan Malam Para Sukma XIX Perak |
| 32 | Program Mencipta Rekod Malaysia "The Fastest Single Handed-Rider To Complete Thailand 1000 Corner Route" |

# UNIT KESELAMATAN

## 1 PENGENALAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas kawalan keselamatan dan rondaan di beberapa bangunan dibawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri seperti:

i. Bangunan Perak Darul Ridzuan
ii. Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan
iii. Kediaman YAB Menteri Besar Perak (Lama)
iv. Kediaman YAB Menteri Besar Perak (Baru)
v. Kediaman YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
vi. Kediaman Pegawai Kewangan Negeri Perak
vii. Institut Latihan Pegawai Awam Perak (ILPA)

## 2 PENGAWAL KESELAMATAN

i. Pengawal Keselamatan terdiri daripada 18 orang Pengawal Keselamatan (KP11) yang diketuai oleh seorang Ketua Pengawal Keselamatan (KP14).
ii. Pecahan Pengawal Keselamatan mengikut jantina:




## 3 POLIS BANTUAN

i. Polis Bantuan terdiri daripada 23 orang Polis Bantuan (KP11)
ii. Pecahan Polis Batuan mengikut jantina:




## 4 BIDANG TUGAS

i. Menjalankan operasi penguatkuasaan dan pemantauan aset serta harta Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang merangkumi tanah rizab, hasil bumi, hutan, bangunan dan lain-lain aset.
ii. Menjaga keselamatan Bangunan Perak Darul Ridzuan berserta warganya mengikut 3 giliran masa bertugas iaitu 7.00 am – 4.00 am, 3.00 pm – 11.00 pm dan 11.00 pm – 7.00 am.
iii. Mengawal keselamatan di semua Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di Bangunan Perak Darul Ridzuan
iv. Membantu pengawasan keselamatan pegawai/staf Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak yang bertugas di Pusat Tranfomasi Bandar (UTC), kutipan luar dan mengiringi pegawai/staf keInstitusi Kewangan.
v. Membantu jabatan dan agensi yang berkaitan sekiranya berlaku ancaman keselamatan dan bencana alam.
vi. Melaksanakan lain-lain tugas bersesuaian yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat merupakan unit yang membantu memberi kemudahan, penyelesaian dan perkhidmatan IT yang terbaik kepada pengguna di Bahagian Khidmat Pengurusan.

Unit ini turut membantu dalam pembangunan sistem baru, menguruskan penyelenggaraan sistem, perkakasan, merekacipta backdrop majlis serta sebarang hal berkaitan multimedia dan memberi khidmat rundingcara berkaitan peralatan ICT di Bahagian Khidmat Pengurusan.

Sistem yang sedang diseliakan oleh Unit Teknologi Maklumat, Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti di dalam jadual yang berikut:

| Bil | Sistem | Keterangan | |
|---|---|---|---|
| 1 | SISTEM e- PINJAMAN | PERMOHONAN ONLINE PINJAMAN PERAK<br>URL: 10.20.0.13/spp<br>(Dalaman) |  |
| 2 | SISTEM PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI PERAK (SPPTP) | PERMOHONAN ONLINE PINJAMAN PERAK SEHINGGA PROSES PEMBAYARAN BALIK<br>URL: http://spptp.peraknet (Dalaman)<br>URL: http://spptp.perak.gov.my (Luaran) |  |
| 3 | SISTEM eCARD | SISTEM KEHADIRAN MERANGKUMI KIRAAN OT, ELAUN PERJALANAN DAN KURSUS<br>URL: http://ecard.peraknet (Dalaman)<br>URL: http://ecard.perak.gov.my (Luaran) |  |

*Jadual: Senarai Sistem Yang Diselia Oleh Bahagian Khidmat Pengurusan*

# UNIT PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL

## 1 PERANAN

Unit Pengurusan Majlis dan Protokol yang diketuai oleh Ketua Protokol dan Istiadat Negeri Perak Darul Ridzuan berperanan menyelia persediaan dan menguruskan majlis dan upacara rasmi yang melibatkan Duli-Duli Tuanku, YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Majlis-majlis Rasmi anjuran Kerajaan Negeri/ Persekutuan/ Agensi Badan Berkanun dan Agensi Swasta.

Unit Pengurusan Majlis dan Protokol perlu menyelia persediaan dan menguruskan majlis seperti majlis-majlis berikut;

a) **Majlis Istiadat**
Majlis Istiadat merupakan majlis yang melibatkan keberangkatan Duli-Duli Tuanku, dan dilaksanakan mengikut adat istiadat yang ditetapkan.

b) **Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan**
Majlis yang telah ditetapkan dibawah penganjuran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam tempoh setahun.

c) **Majlis Keberangkatan Duli-duli Tuanku**
Majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri/Persekutuan/agensi badan berkanun dan agensi swasta yang melibatkan Duli-Duli Tuanku.

d) **Majlis Rasmi Peringkat Negeri**
Majlis peringkat Negeri yang memerlukan Khidmat Unit Pengurusan Majlis dan Protokol sebagai ahli jawatankuasa bagi sesuatu maljis.

e) **Majlis Rasmi Anjuran Kerajaan Persekutuan**
Unit Pengurusan Majlis dan Protokol juga membantu penganjuran majlis peringkat persekutuan yang dianjurkan di Negeri Perak.

f) **Majlis Anjuran Agensi Badan Berkanun dan Agensi Swasta**
Unit Pengurusan Majlis dan Protokol juga membantu penganjuran majlis yang dianjurkan oleh agensi badan berkanun dan juga swasta.

## 2 SENARAI MAJLIS-MAJLIS YANG TELAH DISELIA/DIURUSKAN OLEH UNIT PENGURUSAN MAJLIS DAN PROTOKOL TAHUN 2018

**MAJLIS ISTIADAT**

| Majlis Istiadat | Majlis Rasmi Kerajaan | Lain-lain Majlis | Majlis Tidak Rasmi Kerajaan Persekutuan | Badan Berkanun |
|---|---|---|---|---|
| 14 | 40 | 102 | 42 | 7 |

# UNIT TASKA

Unit Taska menguruskan, menyelaras serta menyelia aktiviti dan program Taska PERMATA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, TASKA Asuhan dan memantau 10 buah Taska PERMATA Daerah.

## 1 UNIT TASKA PERMATA

Program PERMATA Negara merupakan Program Asuhan dan Didikan Awal kepada Kanak-Kanak yang menawarkan pendekatan altrenatif dalam bidang asuhan dan didikan awal khusus untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun.

Antara keunikan dan keistimewaan Program PERMATA Negara adalah seperti berikut:

- Teknik Pembelajaran PERMATA
- Pendekatan Berfitrah Kanak-kanak
- Kemudahan Fizikal
- Peralatan Pembelajaran
- Latihan Tenaga Pendidik
- Penglibatan Ibu Bapa

Program PERMATA bertujuan melahirkan kanak-kanak yang:-

- Holistik dan seimbang
- Mempunyai akhlak dan sahsiah yang mulia
- Berintelektual tinggi
- Mahir berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
- Bijak bergaul
- Sihat jasmani

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah menyediakan Taska PERMATA bagi kanak- kanak berumur 2 tahun hingga 4 tahun yang telah pun beroperasi sejak tahun 2009 dan menggunapakai modul Pusat Anak Permata Negara (PAPN), disediakan oleh Bahagian Permata, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pada tahun 2018, seramai 30 orang kanak-kanak telah mendaftar di Taska PERMATA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Agihan kanak-kanak mengikut umur di Taska PERMATA SUK Perak adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

| Umur Kanak-kanak | Bilangan |
|---|---|
| 2 Tahun | 10 |
| 3 Tahun | 10 |
| 4 Tahun | 10 |
| **Jumlah** | **30** |

Jadual 1 : Bilangan kanak-kanak Taska Permata SUK Perak

PERMATA Negara menekankan bahawa pendidikan awal kanak-kanak penting dalam perkembangan intelek, emosi, kognitif (kefahaman intelektual) dan komunikasi mereka. Justeru terdapat skop kurikulum PERMATA yang meliputi 6 bidang pembelajaran seperti:

i. Perkembangan Sosio Emosi, Sahsiah dan Kerohanian
ii. Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal
iii. Perkembangan Pra Matematik dan Pemikiran Logik
iv. Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran
v. Perkembangan Fizikal
vi. Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif

Setiap tahun takwim pembelajaran akan diedarkan kepada semua Taska PERMATA Daerah dan digunapakai. Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun mengikut tema pembelajaran tahun 2018 ialah:

| Bulan | Tema Pembelajaran |
|---|---|
| Januari<br>Februari | Diri Saya |
| Mac | Deria |
| April | Dunia Teknologi (Pekerjaan) |
| Mei | Dunia Teknologi (Kenderaan) |
| Jun | Alam Bahan |

| Bulan | Tema Pembelajaran |
|---|---|
| Julai | Alam Fizikal |
| Ogos | Negara Saya |
| September | Alam Hidupan (Haiwan) |
| Oktober | Alam Hidupan (Tumbuhan) |
| November | Mari Bercuti |
| Disember | Konvokesyen |

Perkembangan dan prestasi pembelajaran kanak-kanak adalah lebih baik apabila ibu bapa mereka terlibat secara aktif dan berterusan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam Program PERMATA. Komitmen penglibatan aktif dan berterusan mereka dipastikan melalui satu akujanji bahawa mereka akan menyumbang 1 jam seminggu atau 4 jam sebulan kepada aktivti-aktivti Taska PERMATA. Antara aktiviti yang boleh mereka melibatkan diri ialah menyertai lawatan sambil belajar bersama kanak-kanak dan melakukan aktiviti bersama kanak-kanak mengikut tema pembelajaran.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Pendidik (PIBP) diadakan setiap bulan.
- Majlis Bacaan Yassin
- Pemeriksaan Kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pemeriksaan Gigi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Kursus Pengurusan Taska PERMATA Negeri Perak
- Sambutan Hari ibu, Bapa dan Pendidik
- Sambutan Hari Raya Aidilfitri
- Sambutan Berbuka Puasa
- Aktiviti Happy Hour & Bonding Time Bersama Anak-Anak Taska
- Hari Keluarga
- Hari Konvokesyen

## 2 AKTIVITI-AKTIVITI YANG TASKA PERMATA SUK PERAK YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2018

| Program | Tarikh/Masa/Tempat | Catatan |
|---|---|---|
| **Majlis Bacaan Yassin**<br> | 16 Februari 2018 (Jumaat)<br>3.00 petang<br>Taska PERMATA SUK Perak | Aktiviti ini melibatkan PIBP dan pihak pengurusan BKP. Seramai 55 orang yang hadir di Majlis Bacaan Yassin. |
| **Pemeriksaan Kesihatan**<br> | 14 Februari 2018 (Rabu)<br>18 Julai 2018 (Rabu)<br>9.00 pagi<br>Taska PERMATA SUK Perak | Pemeriksaan kesihatan anak-anak taska telah diadakan sebanyak dua kali setahun oleh wakil Pegawai Kesihatan Kerajaan |
| **Pemeriksaan Gigi**<br> | 16 April 2018 (Khamis)<br>7 September 2018 (Jumaat)<br>9.00 pagi<br>Taska PERMATA SUK Perak | Pemeriksaan Gigi anak-anak taska telah diadakan dua kali setahun oleh wakil Pegawai Kesihatan Kerajaan. |
| **Majlis Sambutan Hari Ibu, Bapa dan Pendidik Taska PERMATA**<br> | 29 April 2018 (Sabtu)<br>8.00 pagi<br>Padang Polo, Ipoh | Majlis Sambutan Hari Ibu Bapa dan Pendidik diadakan pada bulan April. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sukaneka yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak taska, pertukaran hadiah dan jamuan makan tengahari. Tujuan sambutan Hari Ibu Bapa Dan Pendidik ini diadakan ialah mengeratkan silaturahim di antara ibu bapa yang baru dan lama di Taska PERMATA SUK. Sehubungan itu, majlis berjalan dengan lancarnya. |

| Program | Tarikh/Masa/Tempat | Catatan |
|---|---|---|
| **Majlis Berbuka Puasa** | 25 Mei 2018 (Jumaat)<br>7.00 petang<br>Taska PERMATA SUK Perak | Majlis Berbuka Puasa diadakan di Taska PERMATA SUK dan seramai 60 orang yang hadir. Majlis ini diadakan bagi mengeratkan silatulrahim sesama ibu bapa, anak- anak dan pendidik. |
| **Majlis Sambutan Hari Raya**<br> | 29 Jun 2018 (Jumaat)<br>3.30 petang<br>Taska PERMATA SUK Perak | Majlis Sambutan Hari Raya diadakan di Taska PERMATA dan seramai 55 orang yang hadir. Majlis ini diadakan bagi mengeratkan silatulrahim sesama ibu bapa, anak- anak dan pendidik. |
| **Hari Keluarga Taska PERMATA SUK Perak**<br> | 20-21 Oktober 2018<br>(Sabtu-Ahad)<br>8.00 pagi<br>Bangi Wonderland, Kajang | Hari Keluarga Taska PERMTA SUK Perak diadakan di Bangi Wonderland. Aktiviti dijalankan ialah sukaneka untuk ibu bapa dan anak- anak taska. Tujuan hari keluarga ini diadakan untuk mengeratkan silaturahim di antara satu sama lain. |
| **Aktiviti Happy Hour & Bonding Time Bersama Anak-Anak Taska PERMATA**<br> | 19 November 2018 (Isnin)<br>9.30 pagi<br>TGV, Aeon Klebang | Aktiviti dijalankan ialah menonton wayang bertajuk 'The Grinch'. Seramai 18 orang anak-anak taska, 2 pendidik dan 2 pembantu yang terlibat dalam program ini. |
| **Hari Konvokesyen Taska PERMATA SUK Perak**<br> | 23 Disember 2018 (Ahad)<br>3.00 petang<br>Dewan Serbaguna, SUK Perak | Majlis kemuncak Taska PERMATA SUK Perak ini disertai oleh semua warga taska. Aktiviti ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada anak-anak taska yang berumur 4 tahun yang akan menamatkan sesi pembelajaran di Taska PERMATA SUK Perak. |

## 3 BENGKEL PENGURUSAN TASKA PERMATA DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2018

Bengkel Pengurusan Taska ini telah diadakan pada 6 hingga 8 April 2018 di Felda Residence Trolak, Sungkai Perak. Kursus ini adalah bertujuan untuk menambahbaik pengurusan Taska PERMATA di Negeri Perak, demi kepentingan dan kebajikan semua anak-anak Penjawat Awam yang dihantar ke Taska PERMATA Negeri Perak. Antara yang kami cara menangani tingkah laku anak-anak. Dengan adanya kursus ini, akan dapat menambahkan lagi ilmu-ilmu untuk dipratikkan di Taska PERMATA SUK.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Pendidik), Gred S29 dan 38 orang Pembantu Pengurusan Murid, Gred N19 dari semua Taska PERMATA di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.








## TASKA ASUHAN BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN

Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Bangunan Perak Darul Ridzuan telah mula beroperasi pada 15 September 2014. Pada tahun 2018, seramai 16 orang kanak-kanak telah mendaftar di TASKA Asuhan tersebut. Had umur pengambilan kanak-kanak adalah dari 1 bulan hingga 24 bulan. Berikut adalah kuota pengambilan kanak-kanak di Taska Asuhan Bangunan Perak Darul Ridzuan seperti jadual di bawah:

| Umur | Kuota | Bilangan Pengasuh |
|---|---|---|
| 1 Bulan – 12 Bulan | 9 | 3 |
| 13 Bulan – 24 Bulan | 9 | 2 |
| **Jumlah** | **18** | **5** |

Jadual 2 : Bilangan kuota kanak-kanak Taska Asuhan Bangunan Perak Darul Ridzuan

## MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA (MKJR) NEGERI PERAK

Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Perak akan melaksanakan program-program yang dirancangkan bagi tahun 2018. Perlaksanaan program tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan pembelajaran kepada pengguna jalan raya terhadap keselamatan semasa menggunakan jalan raya.

Program-program yang telah dilaksanakan adalah usahasama Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Perak Darul Ridzuan (MKJR Perak), Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR) Negeri Perak, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia Negeri Perak (JPJ), Polis Di Raja Malaysia Negeri Perak (PDRM), Jabatan Pendidikan Malaysia Negeri Perak (JPN), Majlis Bandaraya Ipoh, Agensi-agensi Kerajaan Negeri/Persekutuan, Badan Berkanun, Majlis Daerah-Daerah Negeri Perak (PBT) dan pihak NGOs. Sebanyak 99 program aktiviti yang melibatkan MKJR Negeri Perak.

## MAKSAK NEGERI PERAK

MAKSAK Perak telah menyertai 11 kejohanan, 1 karnival dan 2 festival yang melibatkan 32 acara sukan / kesenian anjuran MAKSAK Malaysia tahun 2018. Kedudukan Ranking MAKSAK Perak tahun 2018 adalah di tempat ke-5 keseluruhan dengan memungut 117 Mata. Laporan Pencapaian Maksak Perak Dalam Kejohanan Sukan Maksak Malaysia 2018 bagi setiap acara sukan dan pungutan mata yang diperolehi adalah seperti berikut:-

| Bil | Acara | Pencapaian | Mata |
|---|---|---|---|
| 1 | Badminton | Naib Johan | 7 |
| 2 | Ping Pong | Ketiga | 5 |

| Bil | Acara | Pencapaian | Mata |
|---|---|---|---|
| 3 | Bola Sepak | Naib Johan | 7 |
| 4 | Olahraga Lelaki | Kumpulan | 1 |
| 5 | Olahraga Wanita | Suku Akhir | 3 |
| 6 | Boling Padang | Johan | 10 |
| 7 | Bola Jaring | Kumpulan | 1 |
| 8 | Hoki 9 Sebelah | Suku Akhir | 3 |
| 9 | Golf (Nett) | Suku Akhir | 3 |
| 10 | Golf (Gross) | Suku Akhir | 3 |
| 11 | Futsal Lelaki | Suku Akhir | 3 |
| 12 | Futsal Wanita | Ketiga | 5 |
| 13 | Orienteering Berpasukan | Ketiga | 5 |
| 14 | Tenpin Bowling | Ketiga | 5 |
| 15 | Tenis | Suku Akhir | 3 |
| 16 | Ragbi 7-Sebelah | Suku Akhir | 3 |
| 17 | Permainan Tradisional (Congkak) | Ketiga | 5 |
| 18 | Permainan Tradisional (B.Seremban) | Suku Akhir | 3 |
| 19 | Permainan Tradisional (Dam Aji) | Suku Akhir | 3 |
| Bil | Acara | Pencapaian | Mata |
| 20 | Permainan Tradisional (Sepak Raga) | Kumpulan | 1 |
| 21 | Permainan Tradisional (Menyumpit) | Suku Akhir | 3 |
| 22 | Bola Tampar Lelaki | Kumpulan | 1 |
| 23 | Bola Tampar Wanita | Suku Akhir | 3 |
| 24 | Catur | Suku Akhir | 3 |
| 25 | Dart | Suku Akhir | 3 |
| 26 | Karom (L) | Suku Akhir | 3 |
| 27 | Karom (W) | Ketiga | 5 |
| 28 | Petanque | Ketiga | 5 |
| 29 | Sepak Takraw | Suku Akhir | 3 |
| 30 | Tarian Rakyat | Suku Akhir | 3 |
| 31 | Nyanyian Lagu Asli (Lelaki & Wanita) | Suku Akhir | 3 |
| 32 | Kugiran | Suku Akhir | 3 |
| | **Jumlah Mata** | | **117** |

# KUMPULAN SELENDANG PERAK (KSP)

Kumpulan Selendang Perak telah ditubuhkan pada tahun 1985. Kumpulan Selendang Perak ini berperanan untuk menyeri dan memeriahkan majlis-majlis keraian Kerajaan, Swasta dan Pelancongan Negeri Perak.

Selain menyertai pertandingan kesenian, Kumpulan Selendang Perak juga telah melaksanakan pelbagai persembahan dan aktiviti sepanjang tahun 2018. Sebanyak 111 program yang melibatkan KSP Negeri Perak.

### AKTIVITI PERSEMBAHAN JANUARI - DISEMBER 2018 KUMPULAN SELENDANG PERAK

| Bulan | Aktiviti | Kerajaan Negeri | Kerajaan Persekutuan | Persendirian | Swasta |
|---|---|---|---|---|---|
| Januari | 10 | 10 | | | |
| Februari | 10 | 7 | 2 | 1 | |
| Mac | 13 | 10 | | 2 | 1 |
| April | 8 | 5 | | 1 | 2 |
| Mei | 0 | | | | |
| Jun | 7 | 5 | | | 2 |
| Julai | 10 | 9 | 1 | | |
| Ogos | 6 | 4 | 1 | | 1 |
| September | 11 | 11 | | | |
| Oktober | 14 | 12 | | | 2 |
| November | 16 | 15 | 1 | | |
| Disember | 6 | 3 | 1 | | 2 |
| **Jumlah** | **111** | **91** | **6** | **4** | **10** |


UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PERAK



# UNIT PERANCANG EKONOMI

SUK2018

Unit
# Perancang Ekonomi

## OBJEKTIF

"Meningkatkan pembangunan ekonomi, sosial serta kualiti hidup rakyat secara adil dan saksama."

## FUNGSI

1. Merancang cadangan projek pembangunan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
2. Menyediakan penilaian dan memantau pelaksanaan projek-projek penswastaan.
3. Menyediakan Titah Ucapan DYMM Paduka Seri Sultan Perak bagi Majlis Perasmian Sidang Dewan Undangan Negeri.
4. Menyediakan jawapan kepada soalan lisan dan bertulis DUN dan menyediakan teks ucapan penggulungan YAB Menteri Besar Perak.
5. Khidmat nasihat berhubung isu-isu ekonomi dan sosio-ekonomi.

## PRESTASI PERBELANJAAN

**Peruntukan Mengurus (B.04)**

| Peruntukan Asal (RM) | Peruntukan Kemaskini (RM) | Perbelanjaan (RM) | Peratus Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|
| 2,381,364 | 2,436,361.54 | 2,277,099.25 | 93.46% |

**Peruntukan Pembangunan (P.05)**

| Kod | Jabatan | Peruntukan Diterima (RM) 2015 | Perbelanjaan (RM) | Peratus Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|---|
| P05 | UPEN | 9,085,000 | 6,906,645.52 | 76.02% |

# Laporan Aktiviti

Mengikut Sektor

## SEKTOR BELANJAWAN

Fungsi utama sektor ini adalah untuk membantu merancang dan merangka pelan pembangunan makro Belanjawan negeri bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah mengikut perancangan.

### PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sebanyak RM421,280 juta bagi tujuan pembangunan tahun 2018. Prestasi keseluruhan perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 82.77% iaitu RM348,701 juta.

| Kod | Jabatan/Agensi/Perkara | Peruntukan 2018 (RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|
| **P01** | Jabatan Kerja Raya | 70,000,000 | 62,415,517.33 | 89.16 |
| **P02** | Pelbagai Kerja dan Perkhidmatan Sosial | 79,700,000 | 65,439,381.42 | 81.99 |
| **P03** | Jabatan Pengairan dan Saliran | 20,000,000 | 19,912,608.07 | 99.56 |
| **P04** | Jabatan Pertanian | 7,000,000 | 6,684,844.26 | 95.50 |
| **P05** | Pejabat Setiausaha Kerajaan | 14,750,000 | 12,282,696.65 | 83.27 |
| | Unit Perancang Ekonomi Negeri | 9,085,000 | 6,906,645.52 | 76.02 |
| | Bahagian Kerajaan Tempatan | 3,760,000 | 3,686,869.54 | 98.06 |
| | Bahagian Pengurusan Maklumat | 1,575,000 | 1,414,639.00 | 89.82 |
| | Bahagian DUN dan MMK | 330,000 | 274,542.46 | 83.19 |
| **P06** | Jabatan Perkhidmatan Verterinar | 5,000,000 | 4,488,430.87 | 89.77 |
| **P07** | Jabatan Perhutanan | 6,000,000 | 5,796,618.81 | 96.61 |
| **P08** | Jabatan Agama Islam | 3,890,000 | 3,889,683.65 | 99.99 |
| **P09** | Jabatan Kehakiman Syariah | 6,150,000 | 2,047,106.05 | 33.29 |
| **P10** | Pelbagai Projek | 207,790,000 | 165,688,824.35 | 79.74 |
| **P11** | Jabatan Perikanan | 1,000,000 | 118,790.00 | 11.88 |
| | **Jumlah Besar** | **421,280,000** | **348,701,311.46** | **82.77** |

## SEKTOR INDUSTRI DAN PELABURAN

Menyelaras dan menguruskan hal ehwal pembangunan industri dan perkilangan, pemudahan prosedur berkaitan perniagaan, projek infrastruktur dan pengurusan taman industri serta promosi pelaburan bagi meningkatkan daya saing negeri, meningkatkan pelaburan ke dalam negeri dan mewujudkan suasana perniagaan yang kompetitif.

### 1 PROJEK GAS ASLI

Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Gas Malaysia Berhad telah ditandatangani pada 7 Februari 2018.



**Kos Projek RM180 juta**

| Kerajaan Negeri (UPEN Perak) | Kerajaan Persekutuan (MITI) | Gas Malaysia |
|---|---|---|
| RM10 juta | RM50 juta | RM120 juta |

Makluman ringkas berkaitan projek:

1. **Titik Sumber Gas Asli**: City Gate Station di Kampung Merbau, Ayer Tawar
2. **Kawasan Pengagihan Gas Asli**: Kawasan Industri – Ayer Tawar, Bemban, Pengkalan II, Lahat, Meru, Chemor Ceramic Park, Chemor, IGB Klebang, Tasek, Bercham dan Simpang Pulai.
3. **Panjang Paip**: 140km
4. **Anggaran Penggunaan (Setahun)**: 5.3 juta MMBTU
5. **Bil. Pengguna Berpotensi**: 44 Syarikat
6. **Jangkaan Tempoh Pelaksanaan**: 4Q 2016–4Q 2019
7. **Status Pelaksanaan (Sehingga Disember 2018)**: 61.7%






## 2 PRESTASI PELABURAN NEGERI PERAK BAGI SUKU TAHUN KE-3 2018




| Jumlah | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | Q3 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| Domestik | 1,320,561,498 | 527,469,892 | 2,843,925,353 | 1,673,125,203 | 439,765,893 |
| Asing | 387,411,648 | 3,359,897,880 | 1,102,246,895 | 333,969,245 | 162,606,806 |

# SEKTOR INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM, UTILITI DAN PENGANGKUTAN

Mengurus dan menganalisa semua cadangan daripada sektor Kerajaan dan Swasta berkaitan infrastruktur, kemudahan awam, utiliti, dan pengangkutan awam bagi memastikan ketersediaan kemudahan yang komprehensif dalam pembangunan sosio ekonomi negeri Perak.

## 1 PROJEK LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)




Di negeri Perak, Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) adalah terbahagi kepada empat (4) seksyen, iaitu seksyen 8, 9, 10 dan 11. Anggaran keseluruhan kos bagi projek ini adalah RM5.04bilion. Pecahan seksyen projek;

1. **Seksyen 8** : Hutan Melintang–Teluk Intan
2. **Seksyen 9** : Kampung Lekir–Changkat Cermin
3. **Seksyen 10** : Changkat Cermin–Beruas
4 **Seksyen 11** : Beruas–Taiping




## 2 BAS HENTI-HENTI

Makluman ringkas berkaitan bas henti-henti:

**i) myBus Ipoh 1.0**

| | | |
|---|---|---|
| Kawasan Liputan | : | 314km |
| Jumlah Laluan | : | Utama – 12 |
| | : | Pengantara - 7 |
| **Purata Penumpang Sebulan** | **:** | **106,352** |
| **Jumlah Bas** | **:** | **42** |

**ii) myBus Ipoh 2.0**

| | | |
|---|---|---|
| Kawasan Liputan | : | 367km |
| Jumlah Laluan | : | Utama – 11 |
| | : | Pengantara – 5 |
| **Purata Penumpang Sebulan** | **:** | **156,024** |
| **Jumlah Bas** | **:** | **61** |

## 3 LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI PAPAN, DAERAH KINTA, PERAK.




**Pakej 1**
(Rangkaian Paip)

**Pakej 2**
(Loji)

**Pakej 3**
(Rangkaian Paip)

# SUMBER ASLI, BIODIVERSITI, TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR

Menyelaras dan memantau pelaksanaan berkaitan Sumber Asli, Biodiversiti, Teknologi Hijau serta perlindungan alam sekitar di dalam pembangunan sosio ekonomi negeri Perak

## 1 9th INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM)

IGEM merupakan program flagship tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (MESTECC). Penganjurannya IGEM 2018 melibatkan lima (5) sektor inovasi iaitu teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, teknologi sisa dan pengurusan serta pengilangan hijau. IGEM telah diiktiraf sebagai acara perdagangan bertaraf dunia bagi penyelesaian teknologi hijau dan eko yang terbesar di Asia Tenggara. Ini kerana peranannya sebagai platform penyedia peluang dan perniagaan dalam semua sektor industri hijau.

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang buat julung kalinya mendapat tempat pertama di dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) di negara ini bagi tahun 2016 dan pencapaian dalam LCCF Award Recognition: Provisional Certificate awarded to Majlis Bandaraya Ipoh in recognition of the inception of Low Carbon Cities Framework and Assesment System (LCCF) baseline through a City Based Approach telah dipilih untuk mewakili Kerajaan negeri Perak semasa penganjuran IGEM berkenaan. Selain itu, agensi lain yang turut terlibat adalah InvestPerak Malaysia, Perak Hydro Renewable Energy Corporation (PHREC), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak dan Koperasi Kohijau. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), mewakili kerajaan negeri dalam IGEM 2018 telah mendapat tempat ketiga untuk Anugerah Khas bagi projek “Low Carbon Cities”.

## 2 PROGRAM NATURE RUN 2018
12 Mei 2018
**Taman Rekreasi Gunung Lang**



Program Nature Run 2018 telah diadakan pada 12 Mei 2018 bertempat di Taman Rekreasi, Gunung Lang. Penyertaan lebih dari 200 orang yang terdiri dari kakitangan dan orang awam. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghargai dan mencintai alam sekitar. Program ini turut diserikan dengan pameran oleh jabatan/agensi yang berkaitan seperti Jabatan Perhutanan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Mineral dan Geosains dan agensi-agensi. Kutipan barangan terpakai serta cabutan bertuah turut diadakan bagi menyerikan lagi majlis ini.

# SEKTOR PELANCONGAN

Menyelaras dan menguruskan pembangunan infrastruktur pelancongan, promosi pelancongan, aktiviti-aktiviti pelancongan, mengekalkan warisan dan mengembangkan hal ehwal budaya bagi memantapkan dan membangunkan industri pelancongan Negeri Perak.

## 1 PENGIKTIRAFAN




## 2 MAJLIS PEMASYHURAN GEOPARK LEMBAH KINTA

25 Okt 2018

**Taman Rekreasi Gunung Lang**

Pemasyhuran ini melibatkan Geopark Lembah Kinta berkeluasan 1,952kilometer persegi sebagai tapak geologi Geopark Kebangsaan. Menerusi pemasyhuran ini, Lembah Kinta yang meliputi keseluruhan daerah Kinta dan Kampar serta kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Kampar, dibangunkan secara lestari serta mengambil kira kepentingan alam sekitar, sekali gus menjadi pemangkin kepada aktiviti eko-pelancongan, geo-pelancongan serta aktiviti pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia.

Majlis ini dihadiri lebih kurang 300 tetamu melibatkan pegawai/kakitangan Persekutuan, Negeri dan juga NGO. Turut hadir sama adalah Menteri Air Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Perak mewakili YAB Menteri Besar Perak serta beberapa EXCO Kerajaan Negeri Perak yang lain.

Geopark Lembah Kinta kini diletakkan di bawah pengurusan dan pemantauan Perbadanan Taman Negeri Perak bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap khazanah warisan itu.

Melalui pemasyhuran ini, Lembah Kinta dikenali dengan keindahan alam semula jadi, flora dan fauna yang mempesonakan seperti kawasan bukit batu kapur unik dan mempunyai sejarah perlombongan, geologi serta kepelbagaian landskap semula jadi yang menarik, justeru sesuai dimajukan sebagai pakej laluan geo-pelancongan bagi menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM10.7 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk Projek Penilaian Potensi Pembangunan Geopark untuk Pengekalan dan Pemuliharaan Sumber Semulajadi Negara. RM276,000 daripada jumlah itu disalurkan kepada Jabatan Mineral dan Geosains Perak bagi tahun lalu dan tahun ini bagi pelaksanaan kajian dan penyelidikan yang lengkap dan terperinci daripada aspek geologi.

Di antara pengisian bagi majlis permasyhuran ini adalah pameran daripada pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan dan pemain industri pelancongan yang bersama-sama mempromiskan Geopark Lembah Kinta sebagai produk pelancongan Negeri Perak yang baharu.





## SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIAL DAN LUAR BANDAR

Mengurus, menyelaras dan memantau hal ehwal pembangunan Sosial dan Luar Bandar bagi memastikan kesemua urusan dilaksanakan secara teratur mengikut peraturan dan pelaksanaan program/aktiviti dapat berjalan dengan lancar mengikut perancangan sedia ada.

### 1 LAWATAN KERJA RASMI KERAJAAN NEGERI PERAK KE HOKKAIDO GOVERNMENT, JAPAN

17–21 Okt 2018

**The Hokkaido Government Office,
Teijinkai (Pusat Penjagaan Warga Emas),
Koumeisha (Pusat Latihan OKU),
Emina (Pusat Penjagaan Warga Emas),
Hokkaido Healthcare Industry Promotion Council, JICA.**

Ketua Delegasi
**YB Wong May Ing**
(Pengerusi Kesejahteraan Sosial, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat).

Objektif lawatan kerja ini adalah;

i) Mengadaptasi pengurusan pusat jagaan warga emas dan pusat latihan OKU di Hokkaido supaya dapat menyediakan suasana yang kondusif untuk warga emas dan golongan OKU di negeri Perak;
ii) Menarik pengusaha-pengusaha pusat jagaan warga emas di Hokkaido untuk melabur di negeri Perak berdasarkan konsep joint venture dengan PKNP, Private Financial Initiative (PFI) atau bentuk kerjasama lain yang sesuai;
iii) Mewujudkan kerjasama strategic dan pengembangan keupayaan golongan wanita, Pendidikan dan galakan pelancongan;
iv) Mempromosi negeri Perak sebagai destinasi pelancongan pilihan bagi penduduk Hokkaido.


WELCOME PERAK STATE GOVERNMENT DELEGATION
TO HOKKAIDO
ペラ州州政府北海道訪問団一行





# SEKTOR PENSWASTAAN

Menyedia dan menguruskan dasar dan garis panduan penswastaan, pelaksanaan dan pemantauan projek penswastaan dan urus setia Jawatankuasa Penswastaan Negeri bagi menggalakkan pertambahan peranan sektor swasta di dalam pembangunan ekonomi negeri Perak iaitu melibatkan permohonan dari Pihak Berkuasa Tempatan dan juga permohonan Pihak Swasta; serta menimbang dan memproses Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 3(1)(b) dan (c) di bawah Akta Pengambilan Tanah.




## 1 MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN DAERAH KINTA

22 November 2018

Majlis Pecah Tanah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Kinta (Tambun) telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di Changkat Kinding, Chemor.

Pembinaan SMTDR ini merupakan salah satu proses untuk melahirkan golongan professional berteraskan Islam khusus untuk anak-anak kelahiran negeri Perak. Sekolah yang berkonsepkan asrama penuh ini akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan prasarana yang selesa serta memenuhi keperluan pembelajaran pelajar seperti bangunan akademik, asrama, makmal, bengkel, dewan makan, surau dan lain-lain. Sekolah ini menempatkan pelajar lelaki dan dijangka dapat menampung sehingga 300 orang. Pembinaan sekolah ini akan bermula pada 2019 dan dijangka siap pada tahun 2021.

Pada masa ini dua (2) SMTDR sedang dalam pembinaan iaitu SMTDR Daerah Batang Padang (Tapah) dan SMTDR Daerah Hulu Perak (Lenggong) yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2019 seterusnya dijangka dapat beroperasi pada awal tahun 2020. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pembinaan SMTDR di setiap daerah Negeri Perak di mana dalam masa terdekat ini di Daerah Hilir Perak (Sungai Manik), Kuala Kangsar (Sungai Siput), Kerian dan Larut, Matang dan Selama (Selama). Dengan pelaksanaan projek ini, hasrat Kerajaan Negeri untuk melahirkan modal insan yang berkualiti akan dapat direalisasikan.


MAJLIS PECAH TANAH
PROJEK PEMBANGUNAN
SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ DARUL RIDZUAN (SMTDR)
DAERAH KINTA (TAMBUN), PERAK DARUL RIDZUAN
Dirasmikan oleh:
Y.A.B Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan





## 2 MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA ANTARA KERAJAAN NEGERI PERAK DAN KERAJAAN MALAYSIA BERKAITAN PERKONGSIAN MAKLUMAT GEOSPATIAL

31 Oktober 2018

**Bangunan Perak Darul Ridzuan**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak telah menandatangani Nota Kerjasama yang pertama di Malaysia bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Berkaitan Perkongsian Maklumat Geospatial ini telah dimeterai dan disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman dan Ketua Pengarah JUPEM, Datuk Sr. Mohd Noor Isa.

Nota Kerjasama ini adalah satu Perkongsian Maklumat Geospatial bersama pihak Unit Sistem Maklumat Geografi (PerakGIS) dalam usaha untuk memperkukuhkan sistem pengurusan sedia ada. Penubuhan PerakGIS pada 2012 berperanan sebagai Pusat Pengkalan Data Geospatial Negeri yang bertanggungjawab untuk membangun, mengurus dan menyelaras maklumat geospatial daripada jabatan dan agensi negeri. Kerjasama ini telah membantu pihak PerakGIS dan mengurangkan perbezaan maklumat dengan Kerajaan Negeri.

Nota Kerjasama ini penting buat Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai penyelaras di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Tujuan perkongsian maklumat dan data-data geospatial dapat membantu memperkemas perancangan pembangunan negeri ini. Dengan adanya Nota Kerjasama ini, kerjasama yang selama ini terjalin akan melancarkan lagi perolehan maklumat dan data yang diperlukan oleh PerakGIS selaku Pusat Pangkalan Data Geospatial negeri. Dengan adanya kerjasama ini, pihak Geospatial bersetuju untuk menyalurkan maklumat terus kepada kerajaan negeri yang berbentuk teknikal. Terdahulu, tanpa maklumat geospatial ini, perancangan pembangunan negeri tidak mempunyai maklumat yang lengkap terutamanya maklumat 3D.



# SEKTOR PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN



1 **MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM SHOW 2018**
22 Nov - 2 Dis 2019
**MAEPS, Serdang**

Program MAHA 2018 bertemakan "Makanan Kita, Masa Depan Kita" telah berlangsung dari 22 November 2018 sehingga 2 Disember 2018 bertempat di MAEPS, Serdang. Sejumlah RM 720 ribu telah diperuntukkan bagi menjayakan pengisian program yang telah berjaya menobatkan Pavilion Perak sebagai Pavilion Terbaik MAHA 2018. Ini merupakan kemenangan 4 kali berturut- turut bagi Negeri. UPEN merupakan peneraju utama dan dibantu oleh agensi-agensi yang menjadi jawatankuasa utama seperti MARDI, FAMA, LKIM, LPP, PKNP, SADC, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Perbadanan Kraftangan Malaysia. Antara tarikan MAHA 2018 adalah dari aspek memperkenalkan kulinari, sumber rezeki baru, teknologi terkini, jualan IAT berkonsepkan hypermarket, dan miracle garden.

## 2 MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE (MIHAS) 2018

4 - 7 Apr 2018

**MITEC, Kuala Lumpur**








Berjaya mempromosikan produk yang telah dipersijilkan halal daripada 6 usahawan negeri Perak secara komersial ke peringkat antarabangsa. Selain itu, ia merupakan platform yang baik untuk berkongsi idea di kalangan pemain industri yang memfokuskan kepada produk-produk halal hasilan tempatan dan antarabangsa.

Usahawan-usahawan Perak yang terlibat adalah:

(i) World Marketing Work – susu jenama 'Irfan'
(ii) Perak Agro Marketing (PEGRO) – pelbagai produk berasaskan makanan
(iii) Che Din Food Industries – produk siap dimakan
(iv) Medic-Pets – produk perubatan haiwan peliharaan
(v) Kak Chah Food Supplies – produk siap dimakan
(vi) SBI Food – acar buah




Usahawan terlibat berjaya menonjolkan keunikan produk hasilan yang secara tidak langsung menarik minat pengunjung dari luar negara dengan mengadakan rundingan bersama agen/ trader, antaranya dari Bangladesh, Tehran, Indonesia, Pakistan, Korea Selatan, Singapura, Jepun, Sri Lanka, Thailand, Iran, China, India, Filipina, Taiwan dan Mauritius.

## 3 FIESTA MALAYSIA (HALFEST) 2018

26 - 30 Sept 2018

**Mines Exhibition Centre (MIECC), Kuala Lumpur**

Majlis pelancaran HALFEST telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Muez Abd. Aziz dan turut dihadiri oleh Pengerusi GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd., Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar.

7 usahawan dari negeri Perak terlibat:

- Pegro
- Folio Essence
- BB Juice
- Iman Touch Enterprise
- Crunch Krups
- Anranim Industry (M) Sdn Bhd
- Missla




## 4 HALAL FIESTA TOKYO (HALFEST) 2018

27 - 30 Sep 2018

**Tokyo Ryutsu Centre, Japan.**

Kerajaan Negeri Perak telah mengambil bahagian dengan menghantar 2 orang usahawan yang berpotensi untuk diketengahkan ke pasaran Jepun iaitu syarikat Che Din Food dan Suffy Dairy Group. Program yang menelan belanja sebanyak RM43,950 ini telah berjaya memberi peluang kepada usahawan terpilih dari Negeri Perak untuk mempromosikan produk ke Jepun yang mana focus utama adalah untuk mendapatkan pilihan produk halal sebagai persediaan untuk memenuhi defisit produk halal Jepun sempena Kejohanan Sukan Olimpik Tokyo 2020.



# SEKTOR PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Menyelaras hal ehwal pentadbiran, kewangan dan keselamatan unit bagi membolehkan pentadbiran menjalankan fungsi bahagian dengan cekap dan berkesan serta memastikan peruntukan yang diperolehi digunakan secara berhemah mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.

## 1 BENGKEL PENYEDIAAN myPortfolio

18 Dis 2018

**Bilik Mesyuarat TKSU (P)**

Pentadbiran UPEN Perak telah mengadakan bengkel pengenalan dan penyediaan myPortfolio pada 18 Disember 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat TSUK (P). Bengkel berkenaan telah disertai oleh semua warga kerja UPEN. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memperkenalkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.4 Tahun 2018 iaitu MyPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam yang telah dikeluarkan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang berkuatkuasa pada 12 Julai 2018. PKPA Bil.4/2018 merupakan panduan kerja sektor awam bagi menggantikan Fail Meja (FM) dan Manual Prosedur Kerja (MPK) yang dikeluarkan melalui PKPA Bil.8 dan 11 Tahun 1991.

## 2 MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI ANJURAN KELAB UPEN

13 Jul 2018

**Perkarangan UPEN**

| 6 | LED TV 55 inch | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 3 | 3 |
| 7 | LED TV 40 inch | 0 | 36 | 5 | 0 | 1 | 3 | 15 |
| 8 | LED TV Stand | 0 | 6 | 5 | 0 | 1 | 3 | 15 |
| 9 | Walkie Talkie | 0 | 67 | 0 | 0 | 0 | 0 | 67 |
| 10 | Cable Lock for Notebook | 82 | 79 | 0 | 15 | 0 | 0 | 176 |

**PENGURUSAN PENYIARAN RTM**









## AKTIVITI SEMASA PARA SUKMA XIX PERAK 2018




GALERI



# BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

SUK2018

Bahagian

# Kerajaan Tempatan

## 1 PROGRAM TRANSFORMASI MINDA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

4-11 Mac 2018
**Rumah Rehat@Selama Inn**
4-11 Ogos 2018
**Resort Tasik Raban, Lenggong**
11-18 Nov 2018
**Rumah Rehat@Selama Inn**

Bagi memenuhi keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 2012, semua anggota perkhidmatan awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2012 yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam disyaratkan mengikuti Program Transformasi Minda dengan jayanya sebagai satu syarat sebelum disahkan dalam jawatan.

Program Transformasi Minda perlu bagi membangunkan modal insan secara holistik, merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh pegawai awam bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. Program Transformasi Minda (PTM) diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Bagi PBT, tiga (3) siri PTM telah dilaksanakan iaitu Bil.1/2018 pada 04 hingga 11 Mac 2018 di Rumah Rehat@Selama Inn, Bil.2/2018 pada 04 hingga 11 Ogos 2018 di Resort Tasik Raban, Lenggong dan Bil.3/2018 pada 11 hingga 18 November 2018 di Rumah Rehat@ Selama Inn dan keseluruhannya melibatkan 148 orang pegawai dan kakitangan PBT.



## 2 UJIAN BERTULIS DAN TEMUDUGA LESEN PELELONG AWAM NEGERI PERAK

14 Mac 2018
**Dewan Jamuan Makan Dewan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

Ujian Bertulis Lesen Pelelong Awam Negeri Perak telah diadakan pada 14 Mac 2018 di Dewan Jamuan Makan Dewan Negeri, Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Sebanyak 24 surat jemputan menduduki ujian telah dikeluarkan bagaimanapun hanya 20 pemohon yang hadir. Seramai 12 pemohon telah lulus dalam ujian yang telah diadakan dan dipanggil untuk temuduga pada 20 April 2018. Berdasarkan temuduga, seramai empat (4) calon telah lulus dan mendapat Lesen Pelelong Awam Negeri Perak.

## 3 BENGKEL PANDUAN PRAKTIKAL PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN MPSAS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

2-4 Apr 2018

**RHR Hotel UNITEN, Bangi**

Bengkel ini diadakan pada 02 hingga 04 April 2018 di RHR Hotel UNITEN, Bangi bertujuan untuk memberi panduan terperinci serta gerak kerja yang perlu diambil PBT dalam penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2017 dan 2018. Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penyediaan Penyata Kewangan dari 15 PBT terutamanya Akauntan dan Penolong Akauntan. Kursus ini dikendalikan oleh Encik Mohd Hairay bin Md Yusof, penceramah jemputan daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kuala Lumpur.

## 4 KURSUS LATIHAN SISTEM PENGURUSAN STOR (SPS) PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

10-11 Apr 2018

**Majlis Perbandaran Manjung (MPM)**

Kursus Latihan Sistem Pengurusan Stor (SPS) ini telah diadakan pada 10 hingga 11 April 2018 di Majlis Perbandaran Manjung (MPM). Kursus yang disertai oleh 27 orang pegawai dan kakitangan daripada 15 PBT ini bertujuan untuk memberi pembelajaran dan pengetahuan penggunaan sistem atas talian mengikut pekeliling terbaru Kementerian Kewangan (MOF). Objektif kursus adalah untuk memberi penerangan asas tatacara pekeliling; penerangan dan definisi modul; memberi latihan dan simulasi modul serta mempertingkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penggunaan Sistem SPS di PBT masing-masing.



## 5 KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN DOKUMEN TERPERINGKAT KEPADA PENDAFTAR RAHSIA DAN PENOLONG/PEMBANTU PENDAFTAR RAHSIA PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

14-16 Mei 2018

**Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai**

Kursus Pengurusan Fail dan Dokumen Terperingkat Kepada Pendaftar Rahsia dan Penolong/Pembantu Pendaftar Rahsia Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 14 hingga 16 Mei 2018 di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak. Kursus yang disertai oleh 32 orang peserta ini bertujuan memberi pendedahan kepada garis panduan dalam menguruskan dokumen rahsia rasmi kerajaan; kepentingan memelihara keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan peribadi; peranan dan tanggungjawab pegawai yang terlibat dengan pengurusan fail dan dokumen terperingkat; tatacara keselamatan menguruskan fail dan dokumen terperingkat; tatacara penggunaan buku daftar rahsia rasmi serta prosedur pengelasan dan pengelasan semula dokumen terperingkat.




## 6 KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

14-16 Mei 2018

**Marina Island Resort, Teluk Muroh**

Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 14 Hingga 16 Mei 2018 di Marina Island Resort, Teluk Muroh dan dihadiri oleh seramai 35 orang peserta. Kursus ini bertujuan untuk memberi penerangan terperinci mengenai tatacara pengurusan perolehan serta penekanan terhadap penemuan audit berkaitan isu-isu perolehan kerajaan di PBT Perak. Pegawai yang terlibat di dalam kursus ini terdiri daripada Ketua-ketua Unit dari Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Bandar serta dari Jabatan Perbendaharaan.

## 7 BENGKEL PENGUKUHAN PROSEDUR KADARAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

4-6 Sept 2018

**Selama Inn**

Bengkel Pengukuhan Prosedur Kadaran di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan pada 04 hingga 06 September 2018 di Selama Inn melibatkan seramai 30 orang peserta. Bengkel ini bertujuan meningkatkan pemahaman pegawai penilaian PBT Negeri Perak mengenai prinsip, kaedah dan prosedur penyediaan senarai nilaian dan penetapan cukai ke atas pegangan khususnya pegangan baharu dan mewujudkan keseragaman prosedur bagi semua PBT mengikut ketetapan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).




## 8 PERBINCANGAN BAGI MENYEDIAKAN KERTAS KERJA PENYERAGAMAN TEMPAT LETAK KERETA DI PBT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

4-6 Sept 2018

**Hotel Rainbow Paradise Beach Resort, Tanjong Bungah, Pulau Pinang**

Perbincangan bagi menyediakan kertas kerja penyeragaman tempat letak kereta di PBT Negeri Perak telah diadakan pada 04 Hingga 06 September 2018 di Hotel Rainbow Paradise Beach Resort, Tanjong Bungah, Pulau Pinang. Program ini telah dihadiri oleh 45 orang pegawai dan kakitangan daripada 15 PBT.

Perbincangan ini diadakan bagi menyediakan kertas cadangan penyeragaman pengurusan tempat letak kereta untuk digunapakai di 15 PBT Negeri Perak berkuatkuasa mulai tahun 2019. Perbincangan ini dikendalikan oleh Pengarah Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh, Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian. Majlis Penutupan perbincangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Yoong Choo Kiong, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu.

## 9 PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19 BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BIL. 1/2018

9 Okt 2018

**Dewan Badminton, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

Ujian bertulis bagi peperiksaan ini telah diadakan pada 09 Oktober 2018 di Dewan Badminton, Bangunan Perak Darul Ridzuan dan ujian kawad pada 10 Oktober 2018 Padang Kawad Rejimen 503, Askar Wataniah (AW). Ia dihadiri oleh seramai 34 orang calon peserta. Peperiksaan ini diadakan bagi membolehkan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan mempunyai pengetahuan asas seseorang anggota dalam memahami peraturan, prosedur dan sistem kerja sesuai dengan tugas jawatannya. Ianya adalah salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang dilantik terus terdiri daripada Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 lantikan Pihak Berkuasa Tempatan.



## 10 NAZIRAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

24 Sept-10 Okt Apr 2018

Program ini telah diadakan bermula daripada 24 September hingga 10 Oktober 2018 melibatkan lima (5) PBT iaitu Majlis Daerah Kampar, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Daerah Perak Tengah dan Majlis Bandaraya Ipoh. Pasukan Naziran terdiri daripada tujuh (7) orang pegawai dari Bahagian Kerajaan Tempatan. Tujuan naziran ini dilaksanakan adalah untuk membuat pemantauan pelaksanaan pengurusan kewangan serta memastikan dokumen kewangan diproses dengan betul dan mematuhi tatacara kewangan yang ditetapkan.

## 11 BENGKEL PENGUKUHAN PROSEDUR KADARAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171) PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

13-15 Nov 2018

**Hotel Seri Warisan Taiping**

Bengkel ini merupakan lanjutan dari bengkel siri pertama yang telah diadakan pada 4 hingga 6 September 2018. Bengkel siri kedua ini bertujuan menyemak semula dan memperincikan prosedur penilaian pegangan serta penyediaan senarai nilaian baharu mengikut ketetapan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bengkel ini diadakan pada 13–15 November 2018 di Hotel Seri Warisan Taiping melibatkan 31 orang pegawai dan kakitangan daripada 15 PBT Negeri Perak.





## 12 LATIHAN PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM e-PARKING PBT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

27 Nov 2018

**Pusat Transformasi Bandar (UTC) Ipoh**

Sesi latihan ini diadakan pada 27 November 2018 di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Ipoh. Program ini dihadiri oleh 36 orang pegawai dan kakitangan daripada 12 PBT Negeri Perak. Latihan ini bertujuan untuk mengajar cara-cara menggunakan sistem aplikasi e-Parking sebelum diperkenalkan pada tahun 2019. Latihan ini dikendalikan oleh vendor yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Ipoh daripada syarikat Qamar Solutions, Encik Megat Daharus bin Megat Idris. Manakala Majlis Daerah Lenggong, Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan Majlis Daerah Selama tidak terlibat dalam sesi latihan ini kerana tidak mempunyai petak parking serta tidak menggunakan kupon parking.

## 13 SEMINAR AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2018

6 Dis 2018

**Kementerian Dalam Negeri, Meru Raya**

Seminar selama satu hari ini diadakan pada 06 Disember 2018 di Dewan Bankuet, Kementerian Dalam Negeri, Meru Raya melibatkan kehadiran seramai 315 orang peserta. Seminar ini diadakan bagi memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan dasar dan peraturan kerajaan, hal ehwal PBT serta peranan dan tanggungjawab sebenar Ahli Majlis di 15 PBT Negeri Perak.

## 14 PROGRAM RETREAT PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASA PBT NEGERI PERAK 2018

10-13 Dis 2018

**Rumah Rehat Selama @ Selama Inn**

Program ini diadakan pada 10 hingga 13 Disember 2018 di Rumah Rehat Selama @ Selama Inn dengan kerjasama Majlis Daerah Selama. Ianya dihadiri oleh seramai 30 orang pegawai dan kakitangan daripada 12 PBT. Retreat Perundangan dan Penguatkuasa PBT Negeri Perak 2018 diadakan bertujuan memupuk semangat kerja berpasukan dan mengeratkan hubungan sesama pegawai/anggota dari jabatan perundangan dan penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak. Di samping itu, program ini akan memberi peluang kepada peserta dalam perkongsian pengalaman, pengetahuan dan seterusnya bertukar-tukar idea atau pandangan berkaitan bidang tugas masing-masing. Para peserta dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan mengikuti sesi motivasi, latihan dalam kumpulan (LDK) dan pendedahan kepada aktiviti luar.



## 15 PROJEK CUTTING RED TAPE (MyCURE) JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2018

5 Apr 2018

**Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh**

Bahagian Kerajaan Tempatan telah dilantik sebagai urusetia penyelaras bagi Projek Cutting Red Tape (MyCURE) Jabatan/Agensi Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2018. Program Cutting Red Tape atau MyCURE adalah selaras dengan salah satu daripada enam teras strategi bagi pemacu perubahan di dalam RMK-11 iaitu mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti. Salah satu bidang fokus bagi menjayakannya ialah mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan dengan mengutamakan rakyat.

Sehubungan itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah membuat engagement dengan negeri-negeri bagi tujuan pelaksanaan CURE dan negeri Perak telah menerima kunjungan awal bermula pada Disember 2017. Susulan daripada mesyuarat dan taklimat yang telah diadakan pada 5 April 2018, 5 projek telah disenarai pendek (melibatkan 28 peserta bengkel) daripada 13 cadangan yang dikemukakan dan dipilih oleh MPC untuk dibincangkan dalam bengkel iaitu:-

a) Masalah Tambahan/Pindaan Bangunan di Kawasan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) Tanpa Kelulusan: Jabatan - Majlis Perbandaran Teluk Intan.
b) Penambahbaikan Proses Pengubahan Rancangan Tempatan di Negeri Perak: Jabatan – PLANMalaysia@Perak, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK), Majlis Daerah Tapah (MDT).
c) Kelewatan Proses Permohonan Tukar Syarat Tanah bagi Tanah Pertanian kepada Bangunan (Perniagaan): Jabatan - Pejabat Daerah dan Tanah Kerian.
d) Kelewatan Proses Pembaharuan Lesen Pengawalan Perladangan Unggas Negeri Perak: Jabatan - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.
e) Papan Iklan Luar Tidak Berlesen di Daerah Kampar: Jabatan – Majlis Daerah Kampar dan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar.

Terdapat empat (4) siri bengkel telah dilaksanakan oleh MPC dengan kerjasama urusetia daripada Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT). Seterusnya, Pra-Pembentangan telah diadakan pada 17 Disember 2018 yang turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan. Pembentangan akhir kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah dilaksanakan pada 21 Disember 2018.



**PRESTASI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT AKTIVITI**




**PRESTASI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN PERUNTUKAN NEGERI BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN BAGI TAHUN 2018 MENGIKUT AKTIVITI**





# BAHAGIAN DEWAN NEGERI DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

SUK2018

Bahagian

# Dewan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan

## BAHAGIAN PENTADBIRAN

### 1 MAJLIS PERSARAAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

5 Okt 2018

**Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan**

Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (BDN&MMK) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Majlis Persaraan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 5 Oktober 2018 jam 2.30 petang bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Program ini dihadiri oleh semua pegawai dan kakitangan Bangunan Perak Darul Ridzuan, Pejabat Daerah Dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan.

### 2 PROGRAM TEAMBUILDING

22 Dis 2018

**Lost World of Tambun, Ipoh**

Program ini telah diadakan pada 22 Disember 2018 di Lost World Of Tambun, Ipoh. Sasaran program telah berjaya dicapai yang mana semua peserta telah bekerjasama antara satu sama lain dalam mengharungi tasik-tasik dan gua/terowong sejauh 2.5 kilometer dengan mengambil masa lebih kurang 3 jam.

*Program Teambuilding Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 22 Disember 2018 di Lost World Of Tambun, Ipoh*



## 3 PROGRAM KELAB MEKAR

Kelab Anggota Bahagian Dewan Negeri Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MEKAR) telah berjaya mengadakan beberapa program bagi mengeratkan lagi silaturahim dan memupuk kerjasama yang lebih baik sesama ahli. Program yang telah dilaksanakan ialah:-

(i) Lawatan Sambil Belajar ke Negeri Sabah pada 27 Januari hingga 5 Februari 2018.
(ii) Pertandingan boling pada 18 Mac 2018 di Ipoh Parade.
(iii) Program Jejak Warisan di Bandaraya Ipoh pada 30 April 2018 bagi menghayati keindahan Bandar Ipoh dan menyusuri sejarah awal penubuhan Bandar Ipoh.
(iv) Membuat kerja-kerja amal sebagai CSR di rumah Encik Hamid di Chepor yang merupakan seorang OKU.
(v) Memberi sumbangan kepada anak-anak yatim terpilih di dalam Negeri Perak.

## 4 LAWATAN DARI JABATAN/AGENSI LUAR KE DEWAN NEGERI PERAK

BDN&MMK telah menguruskan enam lawatan daripada pelbagai jabatan/agensi pada tahun 2018 ke Dewan Negeri Perak iaitu:-

(i) Lawatan sambil belajar oleh Sekolah Menegah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yaakub, Bota Kanan, Bota pada 25 Julai 2018 yang dihadiri seramai 80 orang pelajar dan 8 guru pengiring.
(ii) Lawatan ke Mesyuarat Dewan Negeri oleh Kolej Profesional MARA, Seri Iskandar pada 13 Ogos 2018 yang dihadiri seramai 30 orang pelajar dan kakitangan.
(iii) Lawatan ke Mesyuarat Dewan Negeri oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Anderson Ipoh pada 13 Ogos 2018 yang melibatkan pelajar tingkatan enam seramai 80 orang.
(iv) Lawatan sambil belajar oleh Sekolah Kebangsaan La Salle, Ipoh pada 3 Oktober 2018. Seramai 30 orang pelajar dan 5 orang guru pengiring terlibat dalam program ini.
(v) Lawatan sambil belajar oleh Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Tun Sambanthan, Ladang Sungai Siput (U) pada 22 Oktober 2018 yang dihadiri seramai 10 orang guru dan 20 orang pelajar.
(vi) Lawatan kerja Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 21 September 2018.
(vii) Lawatan daripada Universiti Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar pada 29 November 2018 seramai 21 orang pelajar.

## 5 JAMUAN HARI RAYA BDN&MMK

10 Jul 2018

**Ruang Legar BDN&MMK**

Jamuan Hari Raya BDN&MMK sering kali diadakan pada setiap tahun bertujuan untuk mengeratkan lagi perhubungan sesama warga Bangunan Perak Darul Ridzuan dan juga dengan Ahli-ahli Dewan Negeri Perak. Pada 10 Julai 2018, jamuan ini telah diadakan mulai jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di ruang legar BDN&MMK. Di antara tetamu kehormat yang hadir ialah Yang Dipertua Dewan Negeri, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Negeri Perak. Majlis juga turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Bangunan Perak Darul Ridzuan.

# UNIT KEWANGAN

### PRESTASI KEWANGAN

BDN&MMK telah diperuntukkan sebanyak RM21,213,585.00 bagi Peruntukan Mengurus (B.01) dan RM330,000.00 untuk Peruntukan Pembangunan (P.05). Sehingga berakhir tahun kewangan 2018, BDN&MMK telah membelanjakan sebanyak RM20,132,695.21 bagi B.01 bersamaan 95.81% manakala RM166,440.30 bagi perbelanjaan P.05 bersamaan 50.44%.

# UNIT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (MMK) DAN PINGAT

### PRESTASI KERTAS MESYUARAT MMK

Bilangan keseluruhan mesyuarat MMK pada tahun 2018 ialah 31 kali dan secara purata sebanyak 70 bilangan Kertas Mesyuarat telah dibawa setiap kali Mesyuarat MMK.

Jumlah keseluruhan Kertas Mesyuarat yang telah diangkat untuk pertimbangan mesyuarat adalah berjumlah 2,151 kertas mesyuarat iaitu pencapaian 119.5% berbanding sasaran sebanyak 1,800 kertas mesyuarat sahaja seperti berikut:-

| Bilangan Kertas Mesyuarat Tahun 2018 | | |
|---|---|---|
| **Sasaran Tahunan** | **Pencapaian** | **Peratus** |
| 1,800 kertas mesyuarat | 2,151 kertas mesyuarat | 119.5% |

Perbandingan Kertas Mesyuarat MMK bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 seperti berikut:-







Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan Kertas Mesyuarat yang diangkat pada tahun 2018, sebanyak 1,777 kertas (82.65%) telah diluluskan. Manakala sebanyak 330 kertas (15.3%) ditolak, 13 kertas (0.6%) ditangguhkan dan 37 kertas (1.7%) ditarik balik.

Kertas Mesyuarat yang diangkat mengikut jabatan/ agensi seperti berikut:-

| Bil | Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri | Jumlah Kertas Mesyuarat |
|---|---|---|
| 1 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian | 2,030 (94.37%) |
| 2 | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri | 75 (3.48%) |
| 3 | Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri | 46 (2.13%) |
| | **Jumlah** | **2,151** |

## PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI PERAK

Tiada penetapan sasaran tahunan bagi Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan kerana ia bergantung kepada perkenan Ke Bawah DYMM Paduka Seri Sultan Perak.

Sempena Sambutan Ulang tahun Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Yang Ke 62, Baginda telah perkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan kepada 314 penerima yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri/Persekutuan, Swasta, Ahli-ahli Pertubuhan dan orang perseorangan.

Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Perak Darul Ridzuan telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 5 November 2018 dan 10 November 2018. Kedudukan bilangan penerima tahun 2018 adalah seperti berikut:-

| Bil | Pingat | Penerima (Orang) | Keterangan |
|---|---|---|---|
| 1 | **DK** | Tiada | Darjah Kerabat DiRaja Yang Amat Dihormati |
| 2 | **DKSA** | Tiada | Darjah Kerabat Seri Paduka Sultan Azlan Shah Yang Amat Dihormati |
| 3 | **SPSN** | Tiada | Darjah Kebesaran Seri Paduka Sultan Nazrin Shah Perak Yang Amat Mulia **(Bergelar Dato' Seri DiRaja)** |
| 4 | **SPCM** | Tiada | Darjah Kebesaran Seri Paduka Cura Si Manja Kini **(Bergelar Dato' Seri)** |
| 5 | **SPMP** | 2 | Darjah Seri Paduka Mahkota Perak **(Bergelar Dato' Seri)** |
| 6 | **SPTS** | Tiada | Darjah Seri Panglima Taming Sari **(Bergelar Dato' Seri Panglima)** |
| 7 | **DPCM** | Tiada | Darjah Dato' Paduka Cura Si Manja Kini **(Bergelar Dato')** |
| 8 | **DPMP** | 14 | Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak **(Bergelar Dato')** |
| 9 | **DPTS** | 2 | Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari **(Bergelar Dato' Pahlawan)** |
| 10 | **PCM** | 6 | Darjah Paduka Cura Si Manja Kini |
| 11 | **PMP** | 23 | Darjah Paduka Mahkota Perak |
| 12 | **ACM** | 15 | Darjah Ahli Cura Si Manja Kini |
| 13 | **AMP** | 66 | Darjah Ahli Mahkota Perak |
| 14 | **PPT** | 72 | Pingat Pekerti Terpilih |
| 15 | **PJK** | 109 | Pingat Jasa Kebaktian |
| 16 | **PLP** | 5 | Pingat Lama Perkhidmatan |
| **Jumlah** | | | **314 Penerima** |

# UNIT DEWAN



## 1 PEMBUBARAN DEWAN NEGERI YANG KETIGA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

9 Apr 2018

Dewan Negeri Perak telah dibubarkan pada 9 April 2018 dan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU) diadakan pada 9 Mei 2018.

## 2 PELANTIKAN YAB MENTERI BESAR

12 Mei 2018

**Istana Iskandariah, Kuala Kangsar**

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah mengangkat sumpah pada 12 Mei 2018 di Balai Istiadat, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.





## 3 PELANTIKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

Seramai 10 orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dilantik dan telah mengangkat sumpah pada 19 Mei 2018 di Balai Istiadat, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar iaitu:-

i. YB Encik Asmuni bin Awi (Manjoi)
ii. YB Encik Yong Choo Kiong (Tronoh)
iii. YB Encik Abdul Yunus bin Jamahri (Kuala Kurau)
iv. YB Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Sungai Rapat)
v. YB Dr. Abdul Aziz bin Bari (Tebing Tinggi)
vi. YB Encik Sivanesan a/l Achalingam (Sungkai)
vii. YB Puan Wong May Ing (Pantai Remis)
viii. YB Encik Tan Kar Hing (Simpang Pulai)
ix. YB Encik Hasnul Zulkarnian bin Munaim (Titi Serong)
x. YB Encik Howard Lee Chuan How (Pasir Pinji)

## 4 MESYUARAT DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada tahun 2018, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada:-

i. 3 Julai 2018 (1 hari)
ii. 6 hingga 9 Ogos 2018 (4 hari)
iii. 27 November hingga 5 Disember 2018 (6 hari)

**Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan**

Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan pada 3 Julai 2018 telah melaksanakan pemilihan Yang Dipertua Dewan Negeri iaitu YB Dato' Ngeh Koo Ham dan pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negeri iaitu YB Encik Aminuddin bin Zulkipli. Pada mesyuarat ini juga telah dilaksanakan pemilihan dua orang Ahli Dewan Negara iaitu YB Encik Nga Hock Cheh dan YB Encik Ismail bin Yusop. Seterusnya, majlis mengangkat sumpah pelantikan Yang Dipertua Dewan Negeri dan 59 orang Ahli Dewan Negeri telah diadakan dalam mesyuarat ini.

**Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan**

Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 6 Ogos 2018. Sebanyak 22 surat Dewan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut yang merangkumi laporan-laporan dan penyata kewangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan/agensi-agensi kerajaan. Selain daripada itu, mesyuarat tersebut juga telah meluluskan 5 usul seperti berikut:-

i. Menyembah Ucapan Tahniah Serta Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;
ii. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan;
iii. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan;
iv. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan; dan
v. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan.

**Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan**

Mesyuarat ini melibatkan pembentangan Bajet 2019. Sebanyak 6 surat Dewan telah dibentangkan dalam

mesyuarat tersebut yang merangkumi laporan-laporan dan penyata kewangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan/agensi-agensi kerajaan. Selain daripada itu, mesyuarat tersebut juga telah meluluskan 3 rang undang-undang dan 2 usul seperti berikut:-

**Rang Undang-Undang**

i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2018;
ii. Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018; dan
iii. Enakmen Perbekalan 2019.

**Usul-usul**

i. Usul Pindaan Siling Peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) Negeri Perak;
ii. Usul Bayaran Elaun dan Kemudahan Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan; dan
iii. Usul Kumpulan Wang Pembangunan 2019

## 5 JAWATANKUASA SEISI DEWAN

Jawatankuasa ini terdiri daripada empat jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan, Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap Negeri Perak Darul Ridzuan, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Perak Darul Ridzuan dan Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi mengkaji Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan. Bahagian ini bertindak sebagai urus setia bagi keempat-empat jawatankuasa tersebut.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada 5 Oktober 2018, 15 November 2018 dan 23 November 2018. Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:-

i. YB Encik Leong Cheok Keng - Pengerusi
ii. YB Encik Chong Zhemin - Tim. Pengerusi
iii. YB Dato' Haji Aznel bin Ibrahim - Ahli
iv. YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib - Ahli
v. YB Cik Ng Shy Ching - Ahli
vi. YB Encik Yahaya bin Mat Nor - Ahli
vii. YB Encik Razman Bin Zakaria - Ahli

**Jawatankuasa Perintah-perintah Tetap Negeri Perak Darul Ridzuan**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 1 Februari 2018 dan 2 Oktober 2018. Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:-

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak - Pengerusi
ii. YB Ir. Dr. Muhd Fadhil bin Nuruddin - Ahli
iii. YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun - Ahli
iv. YB Encik Mohd Akmal bin Kamarudin - Ahli
v. YB Encik Teoh Yee Chern - Ahli
vi. YB Encik Muhamad Arafat bin Varisai Mohamad - Ahli
vii. YB Encik Ahmad Saidi bin Mohamad Daud - Ahli

**Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Negeri Perak Darul Ridzuan**

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:-

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak - Pengerusi
ii. YB Encik Ong Boon Piow - Ahli
iii. YB Encik Sivasubramaniam a/l Athinarayanan - Ahli
iv. YB Dato' Mohd Azhar bin Jamaluddin - Ahli
v. YB Encik Khalil bin Yahaya - Ahli
vi. YB Encik Leow Thye Yih - Ahli
vii. YB Puan Salbiah binti Mohamed - Ahli

**Jawatankuasa Pilihan Khas Bangunan Baharu Dewan Negeri Perak**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada 1 Februari 2018, 1 Oktober 2018 dan 13 November 2018. Keanggotaan jawatankuasa seperti berikut:-

i. Yang Dipertua Dewan Negeri Perak - Pengerusi
ii. YB Encik Nga Kor Ming - Ahli
iii. YB Encik Maslin Sham bin Razman - Ahli
iv. YB Cik Jenny Choy Tsi Jen - Ahli
v. YB Datuk Dr. Wan Norashikin bin Wan Noordin - Ahli
vi. YB Encik Chaw Kam Foon - Ahli

## UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMANTAUAN (UPP)

### 1 KURSUS PENGUPAYAAN PENTADBIRAN PENGURUSAN BAHAGIAN DEWAN NEGERI & MMK DAN PEGAWAI KHAS

Program ini telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2018 iaitu pada bulan Mac dan Disember. Program ini diadakan bagi memantapkan profesional kakitangan dan membentuk kerjasama erat dalam menjalankan tugasan seharian. Setiap program mempunyai modul yang berlainan bagi memberi pendedahan kepada peserta.

### 2 LAWATAN PENYELIDIKAN

Sebanyak tiga (3) lawatan penyelidikan telah diadakan pada tahun 2018. Lawatan ke Parlimen Malaysia, Dewan Undangan Negeri Selangor dan Institut Darul Ehsan (IDE). Objektif lawatan diadakan bagi mendapat pendedahan berkaitan bidang penyelidikan serta mempelajari kaedah-kaedah baru bagi menambah baik tugasan seharian.

### 3 MAJLIS KUNJUNG HORMAT WESTMINSTER FOUNDATION FOR DEMOCRACY (WFD)

18 Okt 2018

**Dewan Negeri Perak**

Dewan Negeri Perak telah menerima kunjungan hormat dari pihak Westminster Foundation for Democracy pada 18 Oktober 2018. Kehadiran WFD ke Perak merupakan kunjungan pertama yang diadakan di Malaysia pada tahun tersebut. Kunjungan dibuat bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan membentuk persefahaman melalui program penerangan dan perkongsian idea.



*WFD bersama para peserta dan urus setia Bahagian Dewan Negeri & MMK*



*Sir Hugh Bailey menurunkan tandatangan di Buku Pelawat*



*Sidang media selepas program WFD*

## 4 PROGRAM RETREAT SETIAUSAHA DEWAN SE-MALAYSIA

### 15-17 Dis 2018

**Tasik Banding**



*CSR bersama Orang Asli semasa Program Retreat Setiausaha Dewan Se-Malaysia pada 15 hingga 17 Disember 2018 di Tasik Banding, Gerik*

Program ini telah diadakan pada 15 hingga 17 Disember 2018 di Tasik Banding. Seramai 5 orang wakil negeri yang telah hadir iaitu dari Selangor, Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Sabah. Program ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat melalui perkongsian idea dan pendapat selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara Setiausaha Dewan se-Malaysia.




*Program Retreat Setiausaha Dewan Se-Malaysia di Tasik Banding, Gerik pada 15 hingga 17 Disember 2018*

*Sukaneka kanak-kanak semasa Hari keluarga BDN&MMK di Lost World Of Tambun, Ipoh pada 23 Disember 2018*






*Sukaneka dewasa semasa Hari keluarga BDN&MMK di Lost World Of Tambun, Ipoh pada 23 Disember 2018*



*Program Jejak Warisan di Bandaraya Ipoh pada 30 April 2018 bagi menghayati keindahan Bandar Ipoh*



*Lawatan sambil belajar Sekolah Kebangsaan La Salle, Ipoh pada 3 Oktober 2018 ke Dewan Negeri Perak*




*Lawatan Penyelidikan Ke Institut Darul Ehsan (IDE), Selangor*



*Lawatan Penyelidikan Ke Institut Darul Ehsan (IDE), Selangor*



*Kursus Pengupayaan Pentadbiran Pengurusan Bahagian Dewan Negeri & MMK Dan Pegawai Khas*


PERAK DARUL RIDZUAN



# BAHAGIAN KORPORAT

SUK2018

Bahagian

# Korporat

## ADUAN AWAM & KHIDMAT PELANGGAN

Unit khidmat Pelanggan dan Aduan Awam, Bahagian Korporat dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aduan awam di Negeri Perak. Ia diwujudkan atas dasar kesedaran terhadap kepentingan aduan sebagai salah satu medium untuk komunikasi di antara rakyat dan pihak kerajaan serta peranan aduan dalam membantu menambah baik mutu perkhidmatan. Rakyat kini tahu dan mengambil maklum mengenai saluran-saluran untuk menyuarakan masalah mereka dan saluran untuk mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem dan kemudahan sedia ada seterusnya menyalurkan dalam bentuk aduan.

### 1 SALURAN ADUAN

Bahagian Korporat menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan seperti berikut:

- Elektronik (e-mel, portal dan sistem aduan);
- Surat, Faks & Borang Kaunter Aduan Jabatan'
- Telefon;
- Laman Sosial (Facebook) ; dan
- Hadir sendiri ke Bahagian Korporat

Bahagian Korporat juga turut mengambil kira aduan melalui surat khabar untuk dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi mendapatkan maklum balas yang diperlukan, aduan yang diterima akan diselidik dan dihantar segera kepada jabatan/agensi yang berkaitan bagi mendapatkan maklum balas dan tindakan.






## 2 KATEGORI ADUAN

Analisa aduan dibuat mengikut 9 kategori seperti berikut:

1. Kelewatan atau Tiada Tindakan;
2. Kualiti Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan;
3. Tindakan Tidak Adil;
4. Kegagalan Penguat kuasa;
5. Kekurangan Kemudahan Awam;
6. Kegagalan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan;
7. Salah Laku Anggota Awam;
8. Kepincangan Pelaksanaan Dasar dan Kelemahan Undang – Undang; dan
9. Salah Guna Kuasa/Penyelewengan.

## 3 ANALISA ADUAN AWAM MENGIKUT KATEGORI ADUAN BAGI TAHUN 2017

Di antara sembilan (9) kategori aduan tersebut, lima (5) kategori yang mencatat aduan tertinggi serta isu-isu yang berbangkit di bawah kategori tersebut adalah seperti yang dipaparkan di carta.




| Jabatan | Jumlah Aduan | | |
|---|---|---|---|
| | Terima | Dalam Tindakan | Selesai |
| Pejabat SUK Perak (Sistem e-Aduan) | 81 | 0 (0%) | 81 (100%) |
| Jabatan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Berkanun | 4077 | 344 (8%) | 3733 (92%) |
| **Jumlah** | **4158** | **344 (8%)** | **3814 (92%)** |



**Jumlah Aduan Awam Pejabat SUK Perak Mengikut Kategori**

| Bil | Daerah | 01 Januari 2018 Hingga 31 Disember 2018 | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Terima | Selesai | Dlm. Tindakan |
| 1 | Sinar Harian | 46 | 45 | 1 |
| 2 | Berita Harian | 4 | 4 | 0 |
| 3 | Harian Metro | 1 | 1 | 0 |
| 4 | Utusan | 7 | 6 | 1 |
| 5 | Kosmo | 2 | 1 | 1 |
| 6 | The Star | 6 | 6 | 0 |
| 7 | The Sun | 0 | 0 | 0 |
| 8 | New Straits Times | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Ipoh Echo | 0 | 0 | 0 |
| | **Jumlah** | **66 (100%)** | **63 (95%)** | **3 (5%)** |

## PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN PEJABAT SETIAUSAHA KERJAAN NEGERI PERAK

Bahagian Korporat telah menerbitkan laporan tahunan Pejabat setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2017 pada bulan April 2018. Laporan tahunan ini mengandungi maklumat mengenai aktiviti, tugas dan prestasi output sepanjang tahun 2017 bagi 11 bahagian di bawah Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Maklumat yang diperoleh dari Bahagian-bahagian akan dikumpulkan dan disunting supaya selaras dengan kehendak format laporan tahunan.



## PENERBITAN BULETIN SUK

Pada tahun 2018 Bahagian Korporat telah menerbitkan 4 edisi Buletin SUK. Berita yang dipaparkan adalah berkaitan pentadbiran di Negeri Perak terutama di bawah pinjaman YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Ia bertujuan untuk memaklumkan agenda kerajaan dan jabatan kepada rakyat. Bahagian Korporat mengedarkan buletin tersebut ke semua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan juga turut diedarkan kepada orang ramai yang dating berurusan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.













### 1 MENYEDIAKAN BERITA, INFORMASI KERAJAAN NEGERI PERAK DAN PENYELARASAN SIDANG MEDIA

Tugas Bahagian Korporat juga adalah membuat liputan berita semua acara-acara rasmi kerajaan Negeri. Berita-berita ini kemudiannya akan dimuat naik ke dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak untuk dihebahkan kepada orang ramai.

| Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 40 | 47 | 43 | 17 | 15 | 11 | 40 | 45 | 46 | 43 | 30 | 35 |

### 2 JUMLAH KESELURUHAN BERITA DAN HEBAHAN YANG DIPAPARKAN DI PORTAL RASMI KERAJAAN NEGERI PERAK

Selain hebahan berita Kerajaan Negeri Perak, Bahagian ini juga berperanan untuk melaksanakan penerangan dan informasi berkaitan Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Korporat akan menyelaraskan siding akhbar antara Jabatan Penerangan dan pihak media jika sesuatu acara rasmi itu memerlukan sidang media.

Bahagian ini juga menjadi pentadbir bagi Facebook Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Facebook ini merupakan salah satu cara Kerajaan Negeri untuk menghebahkan program - program serta maklumat yang berkaitan Kerajaan Negeri Perak.

Laman sesawang Facebook Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
**http://www.facebook.com/Pejabat-Setiausaha-Kerajaan-Negeri-Perak**

## 3 PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

Bahagian Korporat telah dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan maklumat peristiwa-peristiwa penting jabatan/agensi negeri dan persekutuan untuk dimuatkan di dalam Portal Rasmi Negeri Perak. Ia adalah bertujuan untuk menyampaikan atau member maklumat mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh jabatan/agensi untuk pengetahuan orang ramai. Peristiwa-peristiwa penting antara lain;

a) Melibatkan pembesar/orang kenamaan, sama ada Kerajaan Negeri atau Persekutuan;
b) Lawatan rasmi, majlis perasmian, majlis keraian rasmi dan sebagainya melibatkan kehadiran pegawai kanan Kerajaan Negeri atau Persekutuan;
c) Sukan, expo, pameran, seminar, bengkel dan sebagainya yang memerlukan kehadiran penglibatan orang ramai;
d) Lain - lain maklumat yang perlu disebarkan kepada orang ramai.




## UTC PERAK

Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dipertanggungjawab bagi mengetuai Pusat Hebahan Dan Penerangan Pengurusan Negeri di Urban Transformation Center (UTC) Ipoh. Jabatan lain yang terlibat sama dan telah dikelompokkan dalam satu ruang pejabat tersebut adalah:

- Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIP)
- Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak
- K Perak
- Yayasan Perak
- Pusat Kerjaya Amanjaya

## EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah memperoleh cemerlang dalam pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam bermula 1 Mac 2018 sehingga 29 Februari 2020. Sebanyak lapan bahagian telah terlibat bagi menjayakan pensijilan ini. Pengauditan ini telah dilaksanakan oleh tiga orang panel MAMPU dan diketuai oleh Encik Lim Chai Chong, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan 2, MAMPU.

Pejabat SUK Perak juga turut menjadi penanda aras kepada semua agensi negeri bagi melihat pelaksanaan EKSA di pejabat ini. Pada 11 Disember 2018, Pejabat SUK Perak telah menerima kunjungan daripada Majlis Bandaraya Ipoh bagi lawatan penanda aras tersebut.








EKSA
PERSEKUTUAN

## REKOD DATA PELAN STRATEGIK

| Objektif 1/Teras | | |
|---|---|---|
| Strategi | Perkara | Peratus % |
| 1 | Memantapkan Pembangunan Modal Insan | 90.75 |
| 2 | Memperkasakan Perjawatan Dan Perkhidmatan | 97.45 |
| 3 | Meningkatkan Kualiti Pengurusan Prestasi Dan Tatatertib | 92.56 |
| 4 | Melaksanakan Pengauditan Secara Telus | 100.00 |
| 5 | Pengurusan Perolehan Dan Bayaran Bil | 100.00 |
| 6 | Menyediakan Kemudahan It Yang Lengkap | 100.00 |
| 7 | Penyelenggaraan Bangunan Dan Kenderaan | 100.00 |
| 8 | Pengurusan Keselamatan Fizikal Dan Maklumat | 100.00 |
| 9 | Pengurusan Peralatan Dan Aset Pejabat | 100.00 |
| 10 | Membudayakan Kualiti | 86.67 |
| 11 | Menjana Warga Perkhidmatan Yang Inovatif Dan Kreatif | 100.00 |
| **Purata Peratus Pencapaian Objektif** | | **97.04** |

| Objektif 1/Teras | | |
|---|---|---|
| Strategi | Perkara | Peratus % |
| 1 | Penggubalan Dasar | 94.11 |
| 2 | Ekonomi Wilayah Dan Belanjawan | 68.33 |
| 3 | Industri & Pelaburan | 100.00 |
| 4 | Pembangunan Usahawan | 86.25 |
| 5 | Projek Penswastaan | 100.00 |
| 6 | Pertanian | 95.00 |
| 7 | Pelancongan | 100.00 |
| 8 | Sosial | 100.00 |
| 9 | Infrastruktur, Sumber Asli & Alam Sekitar | 92.00 |
| 10 | Pembangunan Luar Bandar (P.02) | 82.34 |
| 11 | Pembangunan Sukan | 80.73 |
| 12 | Pembangunan Sistem ICT | 100.00 |
| 13 | Pembangunan Perumahan Rakyat | 79.58 |
| 14 | Pembangunan Sistem Pengawasan | 100.00 |
| **Purata Peratus Pencapaian Objektif** | | **91.31** |

| Objektif 1/Teras | | |
|---|---|---|
| Strategi | Perkara | Peratus % |
| 1 | Pelaksanaan Program Hari Bertemu Pelanggan Secara Berkala | 100.00 |
| 2 | Penyebaran Maklumat Melalui Laporan Tahunan, Buletin Dan Portal Perak | 100.00 |
| 3 | Menambah baik Penyampaian Perkhidmatan Melalui Sistem Balas Kualiti | 100.00 |
| 4 | Penyaluran Informasi Melalui Program Pendidikan Orang Awam | 100.00 |
| 5 | Melaksanakan Pengurusan Aduan Secara Efisien | 100.00 |
| 6 | Memberi Pendedahan Tentang Sejarah Melalui Pameran Dan Pendidikan | 100.00 |
| 7 | Menjalankan Penyelidikan Dan Penerbitan Dalam Menghasilkan Bahan Rujukan Yang Tepat Yang Sahih | 100.00 |
| **Purata Peratus Pencapaian Objektif** | | **100.00** |



## SUKMA XIX PERAK 2018



Bahagian Korporat turut terlibat di dalam Penganjuran SUKMA XIX 2019 yang telah berlangsung pada 11 September hingga 22 September 2018. Bahagian Korporat telah ditugaskan untuk membuat pemilihan gambar-gambar untuk edaran kepada pihak media sepanjang SUKMA XIX berlangsung. Korporat juga turut bersama-sama Jabatan Penerangan bagi menyelaraskan keperluan media semasa Majlis Perasmian Pembukaan dan Majlis Perasmian Penutupan SUKMA XIX 2018.


ANUGERAH MEDIA
SUKMA PERAK 2018
LAPORAN TERBAIK
(MEDIA CETAK)
PERTAMA


SIDANG M
SIDANG
MEDIA
TM
molten




## KONTINJEN KAWAD KAKI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Bahagian Korporat telah menjadi urus setia bagi kontinjen Kawad Kaki Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2018.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah dinobatkan sebagai Juara tiga kali berturut-turut bagi Kategori Jabatan Kerajaan di Negeri Perak dan juga mendapat tempat kedua bagi Pakaian Terbaik keseluruhan.







# BAHAGIAN AUDIT DALAM

Bahagian
# Audit Dalam

## 1 PENGAUDITAN TAHUN 2018

| Bil | Jenis dan Tajuk Pengauditan | | Jabatan/Agensi Yang Diaudit |
|---|---|---|---|
| **1** | **PENGURUSAN KEWANGAN** | | |
| | 1.1 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Pejabat Daerah dan Tanah Kampar |
| | 1.2 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Pejabat Daerah dan Tanah Selama |
| | 1.3 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak |
| | 1.4 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Jabatan Pertanian Negeri Perak |
| | 1.5 | Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Jabatan Mufti Negeri Perak |
| **2** | **PRESTASI** | | |
| | 2.1 | Pengurusan Program Perbadanan Taman Negeri Perak | Perbadanan Taman Negeri Perak |
| | 2.2 | Pengurusan Pinjaman Pengajian Tinggi Perak Darul Ridzuan | Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak |
| | 2.3 | Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) | • Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak;<br>• Jabatan Kerja Raya Daerah Batang Padang; dan<br>• Majlis Perbandaran Teluk Intan. |
| **3** | **PEROLEHAN** | | |
| | 3.1 | Pengurusan Perolehan | Lembaga Muzium Negeri Perak |
| | 3.2 | Pengurusan Perolehan | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak |
| **4** | **PEMERIKSAAN MENGEJUT** | | |
| | 4.1 | Pemeriksaan Mengejut Jabatan/ Agensi | 32 Jabatan/Agensi |

| Bil | Jenis dan Tajuk Pengauditan | Jabatan/Agensi Yang Diaudit |
|---|---|---|
| **5** | **PRESTASI KEHADIRAN PENJAWAT AWAM** | |
| | 5.1 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Jabatan Agama Islam Negeri Perak |
| | 5.2 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput |
| | 5.3 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk |
| | 5.4 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Majlis Daerah Kampar |
| | 5.5 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak |
| | 5.6 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar |
| | 5.7 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Majlis Perbandaran Taiping |
| | 5.8 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Bahagian Kerajaan Tempatan |
| | 5.9 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak |
| | 5.10 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh |
| | 5.11 Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | Jabatan Mufti Negeri Perak |
| **6** | **PENGAUDITAN KHAS** | |
| | 6.1 Pengurusan Kutipan Wang Bayaran Parkir Masjid Sultan Idris Shah II Bagi Tahun 2017 | Jabatan Agama Islam Negeri Perak |
| | 6.2 Semakan Kumpulan Wang/Akaun Amanah | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak<br>• Unit Perancang Ekonomi Negeri<br>• Bahagian Kerajaan Tempatan |
| | 6.3 Verifikasi Baki Awal Aset Dan Liabiliti Kerajaan Negeri Perak | Semua Pusat Tanggungjawab Negeri Perak |
| **7** | **SUSULAN** | |
| | 7.1 Pengurusan Perolehan | Pejabat Daerah Dan Tanah Kampong Gajah |
| | 7.2 Pengurusan Perolehan | Jabatan Pertanian Negeri Perak |
| | 7.3 Pengurusan Kewangan (Aset) | Majlis Daerah Lenggong |
| | 7.4 Pengurusan Pelupusan Aset | Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak |
| | 7.5 Pengurusan Penyelenggaraan Kenderaan | Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUK |
| | 7.6 Pengurusan Keselamatan ICT | Majlis Perbandaran Manjung |
| | 7.7 Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri (MARRIS) | Pejabat Daerah Dan Tanah Seri Iskandar |
| | 7.8 Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri (MARRIS) | Majlis Perbandaran Manjung |

## 2 PENCAPAIAN PENGAUDITAN TAHUN 2018 BERBANDING 2017

Bahagian Audit Dalam melaksanakan pengauditan berdasarkan rancangan tahunan yang telah diluluskan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pencapaian pengauditan tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Pengauditan | Jumlah Jabatan/Agensi | |
|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2018 |
| 1 | Pengurusan Kewangan | 5 | 5 |
| 2 | Prestasi | 2 | 2 |
| 3 | Perolehan | 2 | 2 |
| 4 | ICT | 1 | - |
| 5 | MARRIS | 2 | 3 |
| 6 | Susulan | 8 | 8 |
| 7 | Pemeriksaan Mengejut | 27 | 32 |
| 8 | Prestasi Kehadiran Penjawat Awam | 10 | 11 |
| 9 | Pengauditan Khas | - | 2 |

## 3 VERIFIKASI ASET KERAJAAN NEGERI PERAK

Bahagian Audit Dalam dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan / verifikasi baki awal aset Kerajaan Negeri Perak bagi tujuan pelaksanaan sistem perakaunan akruan. Jumlah aset yang telah diterima dan disemak sehingga batch 37 adalah seperti berikut:

| Bil | Kategori | Aset Diterima | | Aset Disahkan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil Unit | Nilai Aset (RM) | Bil Unit | Nilai Aset (RM) |
| 1 | Tanah | 1,092 | 2,686,093,766.00 | 1,084 | 2,679,331,766.00 |
| 2 | Bangunan | 1,752 | 787,255,688.58 | 1,752 | 787,255,688.58 |
| 3 | Kerja dan Infrastruktur | 8,559 | 29,910,186,593.99 | 8,559 | 29,910,186,593.99 |
| 4 | Aset Dalam Pembinaan | 1 | 6,414,256.14 | 1 | 6,414,256.14 |
| 5 | Peralatan | 6,395 | 48,081,905.40 | 6,395 | 48,081,905.40 |
| 6 | Aset Tak Ketara | 13 | 309,000.00 | 13 | 309,000.00 |
| 7 | Agrikultur | - | - | - | - |
| | **Jumlah** | **17,812** | **33,438,341,210** | **17,804** | **33,431,579,210** |

## 4 LATIHAN YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI BAHAGIAN AUDIT DALAM

Bahagian Audit Dalam sentiasa berusaha untuk menghasilkan hasil kerja yang berkualiti selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam dan International Auditing Guidelines (IAG). Anggota Bahagian Audit Dalam digalakkan untuk meningkatkan pengetahuan dan teknik pengauditan melalui bahan bacaan, menghadiri kursus, taklimat dan seminar yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi menghasilkan laporan yang berkualiti. Kursus/seminar/bengkel yang telah dihadiri oleh anggota Bahagian Audit Dalam adalah seperti berikut:-

| Bil | Sektor/Nama Kursus | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| | **Pengauditan Dan Perakaunan** | | |
| 1 | Latihan Aplikasi Sistem 1Speks Fasa 3 Bagi Jabatan/PTJ Negeri Perak | Bilik Latihan Komputer, pejabat Bendahari SUK | 14.03.2018 |
| 2 | Kursus Pemahaman Kepada Carta Akruan (COA) | Dewan Bankuet, SUK Perak | 16.04.2018 |
| 3 | Kursus Foundation Level " Risk Based Auditing" | Akademi Audit Negara | 23.04.2018 |
| 4 | Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Bilik Makan ADUN, SUK | 04-05.09.2018 |
| 5 | Persidangan MIA 2018 | Kuala Lumpur Convention Centre | 09-10.10.2018 |
| 6 | Taklimat Penutupan Akaun Negeri Perak Tahun 2018 | Dewan Serbaguna, SUK | 08.11.2018 |
| | **Pentadbiran Dan Protokol** | | |
| 7 | Bengkel Manual Prosedur Kerja (MPK) & Fail Meja | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 20-22.02.2018 |
| 8 | Penulisan Surat & Memo Berkualiti Serta Penggunaan Tatabahasa | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 27.02.2018 - 01.03.2018 |
| 9 | Kursus Keprihatinan Petugas Hadapan Pegawai Pembantu Operasi N11/N14 Bagi Tahun 2018 | Star City Hotel, Alor Star | 26.-28.03.2018 |
| 10 | Pengurusan Aset & Stor | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 26-28.03.2018 |
| 11 | Kursus Protokol & Adat Istiadat/Pengurusan Majlis | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 10-11.04.2018 |
| 12 | Pengurusan Tatatertib | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 24-26.07.2018 |
| 13 | Kursus Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) Dan Pembantu Rekod Jabatan PTRJ Pejabat SUK | Bilik Makan ADUN, SUK | 25-26.09.2018 |

| Bil | Sektor/Nama Kursus | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 14 | Latihan TOT Kepada Pegawai Di Jabatan Pentadbiran SUK Perak Berhubung Panduan Penyediaan Deskripsi Tugas Sektor Awam | Bilik Makan ADUN, SUK | 23.10.2018 |
| | **ICT** | | |
| 15 | Kursus Adobe After Effect | Bilik Komputer BPM, SUK | 12-16.11.2018 |
| | **Pembangunan Sahsiah Dan Kerjaya** | | |
| 16 | Executive Talk & Perutusan YAB Menteri Besar 2018 | Ipoh Convention Centre | 09.01.2018 |
| 17 | Program Pemukiman Pegawai Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Perak Darul Ridzuan | ILMU Janda Baik, Pahang | 11-13.02.2018 |
| 18 | Program Sara Diri Amanjaya Siri Pertama Tahun 2018 | Bilik Makan ADUN, SUK | 13.03.2018 |
| 19 | Perhimpunan Warga Perkhidmatan Awam 1/2018 | Dewan Bankuet, SUK Perak | 23.03.2018 |
| 20 | Seminar Biz Health & Beauty Anjuran Puspanita Negeri Perak | Dewan Bankuet, SUK Perak | 28.03.2018 |
| 21 | Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50) Anjuran CUEPACS | Dewan Bankuet, SUK Perak | 03.04.2018 |
| 22 | Kursus Kecemerlangan Diri | Institut Latihan Perindustrian Awam Ipoh | 02-04.05.2018 |
| 23 | Program Destress Clinic 'Jauhi Tekanan Menjana Keluarga Bahagia' Bersama PU Azman | Dewan Serbaguna, SUK | 23.07.2018 |
| 24 | Seminar Yakini Halal Malaysia | Dewan Saidina Abu Bakar, INTIM | 26.07.2018 |
| 25 | Seminar Ibadah Pesakit Siri 1/2018 | Dewan Bankuet, SUK | 25.09.2018 |
| 26 | Wacana Halatuju Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Negeri Perak | Dewan Bankuet Kementerian Dalam Negeri Meru | 22.11.2018 |

## 5 LATIHAN/ BENGKEL YANG DIANJURKAN OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM

Di samping menghadiri latihan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, Bahagian Audit Dalam (BAD) juga telah menganjurkan latihan/bengkel dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak yang telah dijemput untuk menyertai latihan tersebut.

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Pengurusan Unit Audit Dalam Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama Majlis Daerah Tapah | Institut Latihan Statistik Sungkai | 06-07.02.2018 |
| 2 | Pelaksanaan Sistem MyAudit Di Pejabat Daerah Dan Tanah dan Jabatan-Jabatan Negeri Perak Bagi Suku 1/2018 | Bilik Mesyuarat Utama, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan | 13.03.2018 |
| 3 | Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) | Bilik Dewan Makan ADUN, Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan | 04-05.09.2018 |

## 6 LAWATAN PENANDA ARAS UAD NEGERI LAIN

Bagi meluaskan jaringan kerja dan mengeratkan hubungan, Bahagian Audit Dalam telah berkunjung ke Unit Audit Dalam Negeri Pahang seperti berikut:

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Lawatan Penanda Aras ke Unit Audit Dalam Negeri Pahang | 06-07.12.2018 |

## 7 MESYUARAT YANG DILAKSANAKAN DAN DIHADIRI

### Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun seperti kehendak 1 Pekeliling Perbendaharaan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak auditi supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Salinan minit mesyuarat JKA hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia. Mesyuarat JKA yang telah dilaksanakan seperti berikut:

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Jawatankuasa Audit Bil. 1 2018 | 09.04.2018 |
| 2 | Jawatankuasa Audit Bil. 2 2018 | 09.07.2018 |
| 3 | Jawatankuasa Audit Bil. 3 2018 | 11.10.2018 |
| 4 | Jawatankuasa Audit Bil. 4 2018 | 19.12.2018 |

## Mesyuarat Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun seperti kehendak 1 Pekeliling Perbendaharaan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak auditi supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Salinan minit mesyuarat JKA hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia. Mesyuarat JKA yang telah dilaksanakan seperti berikut:

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Tindakan Susulan Dashboard Laporan Ketua Audit Negara Bil 1 | 16.01.2018 |
| 2 | Tindakan Susulan Dashboard Laporan Ketua Audit Negara Bil 2 | 11.07.2018 |
| 3 | Tindakan Susulan Dashboard Laporan Ketua Audit Negara Bil 3 | 23.10.2018 |

## Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri

Bahagian Audit Dalam juga turut menghadiri Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri yang dilaksanakan oleh Perbendaharaan Malaysia bertempat di Perbendaharaan Malaysia, Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Putrajaya seperti berikut:

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil.1 Tahun 2018 | 19.03.2018 |
| 2 | Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil.2 Tahun 2018 | 02.10.2018 |
| 3 | Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil.3 Tahun 2018 | 06.12.2018 |

## Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasat dan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD)

Bahagian Audit Dalam merupakan urusetia bagi Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu-isu punitive Laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan Pejabat SUK Perak. Laporan Siasatan telah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Bahagian Susulan Audit Jabatan Audit Negara. Siasatan dan mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

| Bil | Nama Kursus/Bengkel | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Pelantikan Jawatankuasa Siasatan Dalaman | 09.11.2018 |
| 2 | Pelantikan Jawatankuasa Penyiasat | 09.11.2018 |
| 3 | Siasatan/Perbincangan/ Lawatan/Temubual Pegawai terlibat | 09-28.11.2018 |
| 4 | Pembentangan Laporan kepada Jawatankuasa Penyiasat | 16.11.2018 |
| 5 | Pembentangan Laporan kepada JKSD | 28.11.2018 |
| 6 | Laporan Akhir ke Jabatan Perkhidmatan Awam | 30.11.2018 |

## 8 PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN SISTEM MYAUDIT

Sistem MyAudit adalah sistem prestasi pengurusan kewangan PTJ melalui soal selidik audit secara atas talian. Markah yang diperoleh akan menentukan tahap penarafan bintang yang diperoleh. Pada tahun 2015, sistem ini telah diperluaskan ke seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kesannya pengurusan kewangan PBT adalah bertambah baik kerana bilangan PBT yang memperoleh penarafan bintang semakin meningkat. Manakala, bagi tahun 2016 pula sistem MyAudit telah diperluaskan kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Tahun 2017 pula, sistem ini diperluaskan lagi kepada Jabatan Negeri Perak di mana ia diguna pakai pada suku pertama tahun 2018 iaitu pada bulan April 2018.

Pencapaian Prestasi Pengurusan Kewangan (Sistem MyAudit) mengikut Jabatan/Agensi Negeri Perak bagi keseluruhan suku 1 hingga suku 3 Tahun 2018 yang dipuratakan adalah seperti berikut:

CARTA BAR PENCAPAIAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (SISTEM MYAUDIT)



CARTA BAR PENCAPAIAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (SISTEM MYAUDIT)




CARTA BAR PENCAPAIAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (SISTEM MYAUDIT)



CARTA BAR PENCAPAIAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (SISTEM MYAUDIT)






*Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi semua Jabatan/Agensi yang diaudit bagi tahun 2018 pada 4 hingga 5 September 2018*





*Kursus Pengurusan Unit Audit Dalam Pihak Berkuasa Tempatan dengan kerjasama Majlis Daerah Tapah pada 6 hingga 7 Februari 2018.*




*Sesi temu bual dan lawatan tapak bagi menjalankan siasatan isu punitive Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 pada 13 November 2018*





# BAHAGIAN MAJLIS SUKAN NEGERI

Bahagian

# Majlis Sukan Negeri

## VISI

***"Menjadi Juara Sukan Di Malaysia Dengan Pencapaian Bertaraf Dunia"***

### 1 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

- Pengurusan serta tugas-tugas keurusetiaan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis, Mesyuarat Kakitangan Majlis dan Mesyuarat Pentadbiran Majlis.
- Pengurusan sumber manusia, Perjawatan, FM, MPK, SKT dan LNPT kakitangan Majlis.
- Pengurusan hal ehwal pentadbiran (fail, surat, rekod, pengangkutan, penginapan dan lain-lain) di Majlis.
- Pentadbiran takwim acara/program sukan tahunan negeri Perak Darul Ridzuan.
- Pengurusan hal ehwal kewangan (belanjawan, pendapatan, perbelanjaan, pembayaran dan lain-lain) Majlis.
- Pengurusan (pembelian, pelupusan, penyelenggaraan, keselamatan dan lain-lain) aset-aset Majlis.
- Penyediaan laporan tahunan Majlis.
- Pengurusan sistem, peralatan, rangkaian dan lain-lain yang berkaitan dengan ICT di Majlis.
- Pengurusan (mereka bentuk, mencetak dan lain-lain) bahan-bahan promosi dan dokumentasi Majlis.
- Pengurusan (penempatan, pemantauan, markah dan lain-lain) para pelajar/ pelatih praktikum/ latihan industri di Majlis.

### 2 BAHAGIAN PEMBANGUNAN ATLET (BPA)

- Merancang dan melaksanakan persiapan Kontinjen (kem latihan pusat, program binaan dan lain-lain) bagi menghadapi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) pada setiap 2 tahun sekali.
- Merancang, menyelaras dan menganjurkan program pembangunan dan pengenalpastian atlet pelapis Negeri yang berbakat.
- Merancang, menyelaras dan mengendalikan Program Sukan Elit Negeri.
- Merancang dan memantau penyertaan kejohanan dalam atau luar negeri bagi atlet Negeri Perak.
- Memastikan setiap keperluan dan peralatan latihan/ kejohanan sentiasa mencukupi.

- Mengurus dan menyelaras data peribadi dan prestasi atlet Negeri Perak melalui sistem e-atlet dan e-profil.
- Pengurusan laporan bulanan prestasi atlet yang diterima dari jurulatih dan Pegawai Pembangunan Sukan (PPS).
- Menguruskan kebajikan dan bantuan pelajaran atlet Negeri Perak.
- Menyelaras Pusat Latihan dan Pusat Cemerlang Sukan negeri dan daerah.

## 3 BAHAGIAN PENGURUSAN SUKAN (BPS)

- Mengawal selia Persatuan Sukan dan Agensi Sukan peringkat negeri Perak serta Majlis Sukan Daerah.
- Menguruskan geran bantuan tahunan atau insentif kepada Persatuan Sukan Negeri atau Majlis Sukan Daerah.
- Pengurusan program "Rakan Strategik" Persatuan Sukan Negeri.
- Pengurusan pemilihan jurulatih, lantikan dan penamatan kontrak jurulatih.
- Pengurusan penganjuran majlis khas, bengkel, seminar dan program Majlis Sukan Negeri.
- Menguruskan penganjuran kejohanan, sirkit, atau temasya Sukan Perak (SUPER).
- Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) sukan-sukan.

## 4 BAHAGIAN SAINS SUKAN DAN SOKONGAN (BSS)

- Mengelolakan kursus Sains Sukan peringkat asas dan spesifik.
- Menguruskan khidmat bantu mula, fisioterapi dan rehabilitasi kepada atlet Negeri Perak.
- Menguruskan khidmat sokongan Sains Sukan (psikologi, pemakanan, kecergasan dan lain-lain) kepada atlet Negeri Perak.
- Menguruskan program Ujian Kecergasan (umum atau spesifik) bagi atlet-atlet Negeri Perak.
- Menguruskan pembelian dan pemberian ubat-ubatan serta makanan tambahan (suplemen) kepada atlet Negeri Perak.
- Menguruskan gimnasium latihan bebanan.

JUMLAH KAKITANGAN MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK 2018




JUMLAH JURULATIH MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK 2018
SEPENUH MASA
SAMBILAN
LUAR NEGARA
SUKMA
0
1
2
3
4
5
6
7
8
9
10
11


78
583
1071
Bilangan Atlet Majlis Sukan Negeri Perak 2018
Pembangunan
SUKMA
Podium

# Program-Program

Majlis Sukan Negeri Perak

## 1 MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN SUKMA NEGERI PERAK

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen SUKMA Negeri Perak sempena temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XIX, Perak 2018 telah diadakan pada 01 September 2018 di Hotel Impiana, Ipoh yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis yang diadakan setiap kali adanya tahun SUKMA ini adalah bertujuan sebagai simbolik mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kontinjen SUKMA Negeri Perak yang terdiri daripada atlet, jurulatih dan pengurus pasukan serta kakitangan Majlis Sukan Negeri bagi menggalas tanggungjawab untuk mencapai kecemerlangan di temasya SUKMA XIX, Perak 2018 mewakili negeri Perak Darul Ridzuan.








PERAK

## 1 TEMASYA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) XIX, PERAK 2018

Sukan Malaysia (SUKMA) adalah Temasya Sukan Remaja Kebangsaan yang berlangsung dari 12 hingga 22 September 2018, dengan menawarkan 427 pingat emas melibatkan 29 jenis sukan dan 39 venue di 12 daerah seluruh negeri Perak Darul Ridzuan. Penganjuran Sukma XIX, Perak 2018 adalah kali kedua bagi negeri Perak Darul Ridzuan selepas kali terakhir 24 tahun yang lepas pada 1994.



Kontinjen SUKMA Negeri Perak telah berjaya merangkul 143 pingat secara keseluruhan (37 pingat emas, 50 pingat perak dan 56 pingat gangsa) dan meletakkan negeri Perak di tangga ke-5 daripada 15 negeri yang bertanding. Kontinjen SUKMA Negeri Perak juga telah berjaya memecahkan 3 rekod SUKMA menerusi 2 sukan (angkat berat, menembak). Berikut adalah ringkasan kejayaan Kontinjen SUKMA Negeri Perak :-



PENCAPAIAN KESELURUHAN KONTINJEN SUKMA NEGERI PERAK
SEMPENA TEMASYA SUKMA XIX, PERAK 2018

| Perkara | Pungutan Pingat Keseluruhan | Kedudukan |
|---|---|---|
| SUKMA 2018 | 37 EMAS/ 50 PERAK/ 56 GANGSA | TEMPAT KE-5 |

SENARAI PEMECAH REKOD SUKMA KONTINJEN SUKMA NEGERI PERAK
SEMPENA TEMASYA SUKMA XIX, PERAK 2018

| Nama | Sukan | Acara | Catatan |
|---|---|---|---|
| Nur Fatin Syairah Binti Abdul Latif<br>Sharifah Nur Ellyna Binti Syed Abdul Hamid<br>Nurul Athirah Binti Huzaimi | Menembak | 10M Air Rifle (Berpasukan Wanita) | **Emas**<br>1829.8 Mata<br>**(Rekod Baru)**<br>1826.8 Mata<br>**(Rekod Lama)** |
| Ahmad Khusyairi Bin Abdul Razak<br>Loo Jie Ren<br>Muhammad Aiman Syafiq Bin Zainal Ariffin | Menembak | 10M Air Rifle (Berpasukan Lelaki) | **Emas**<br>1828.5 Mata<br>**(Rekod Baru)**<br>1817.2 Mata<br>**(Rekod Lama)** |
| Muhammad Hafiz Bin Shamsuddin | Angkat Berat | 105 KG Snatch (Lelaki) | **Emas**<br>143 Kg<br>**(Rekod Baru)**<br>142 Kg<br>**(Rekod Lama)** |







## 3 MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF KEMENANGAN SUKAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 2018

Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Sukan Negeri Perak Darul Ridzuan 2018 telah diadakan pada 14 Disember 2018 di Hotel Kinta riverfront, Ipoh yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan bagi meraikan para atlet negeri Perak yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Perak Darul Ridzuan di arena kebangsaan. Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa serta pengorbanan para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah bertanding dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA), Para SUKMA dan Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA), Hoki Piala Tun Abdul Razak dan Bola Sepak Piala Malaysia tahun ini. Berikut adalah ringkasan pencapaian serta insentif yang diberikan:-

| Perkara | Pencapaian | Jumlah Insentif (RM) |
|---|---|---|
| SUKMA 2018 | TEMPAT KELIMA<br>(37 EMAS/ 50 PERAK/ 56 GANGSA) | RM 927, 750.00 |
| PARA SUKMA 2018 | TEMPAT KETIGA<br>(29 EMAS/ 33 PERAK/ 22 GANGSA) | RM 341, 360.00 |
| PIALA RAZAK 2018 | JUARA | RM 102, 000.00 |
| PIALA MALAYSIA 2018 | JUARA | RM 317, 000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN INSENTIF (RM) | | RM 1, 688, 110.00 |







Majlis
PENYAMPAIAN INSENTIF
KEMENANGAN SUKAN


TAHNIAH
PASUKAN PERAK DARUL RIDZUAN
PING PONG
PARA


TAHNIAH
KONTINJEN NEGERI PERAK

## 4 PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DI MAJLIS SUKAN NEGERI PERAK SEPANJANG TAHUN 2018

Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Sukan Negeri Perak Darul Ridzuan 2018 telah diadakan pada 14 Disember 2018 di Hotel Kinta riverfront, Ipoh yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan bagi meraikan para atlet negeri Perak yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Perak Darul Ridzuan di arena kebangsaan. Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa serta pengorbanan para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah bertanding dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA), Para SUKMA dan Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA), Hoki Piala Tun Abdul Razak dan Bola Sepak Piala Malaysia tahun ini. Berikut adalah ringkasan pencapaian serta insentif yang diberikan:-

| Bil | Program | Tarikh | Tempat | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Tautan Mesra Bersama Atlet-Atlet Sekolah Sukan Fasa 1 | 25 Januari 2018 | Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) | 25 Orang Pegawai |
| 2 | Program Tautan Mesra Bersama Atlet Sekolah Sukan Fasa 2 | 06-07 Februari 2018 | Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) | 25 Orang Pegawai |
| 3 | Bengkel Pengurusan Kontinjen Sukma | 02-04 Mac 2018 | Felda Residence Trolak, Perak | 150 Orang Jurulatih |
| 4 | Kem Latihan Pusat Kita Juara 2018 Fasa 4 | 19-22 Mac 2018 | Majlis Sukan Negeri Perak | 600 Orang Atlet |
| 5 | Kem Motivasi Kita Juara Fasa 2 | 23-25 Mac 2018 | Majlis Sukan Negeri Perak | 400 Orang Atlet |
| 6 | Program Tautan Mesra Bersama Atlet Sekolah Sukan Fasa 3 | 29-30 April 2018 | Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) | 25 Orang Pegawai |
| 7 | Iftar Ramadhan Bersama Kontinjen SUKMA Negeri Perak | 02 Jun 2018 | Masjid Muhibbuddin Shah, Ipoh | 300 Orang Atlet/Jurulatih/ Pengurus |
| 8 | Kem Motivasi Kita Juara Fasa 3 | 29 Jun-01 Julai 2018 | Kem Bina Negara Ulu Kenas, Kuala Kangsar | 400 Orang Atlet |
| 9 | Kem Latihan Pusat Kita Juara Fasa Akhir | Bulan Ogos | Venue Sukan Masin-Masing | 583 Orang Atlet |
| 10 | Bengkel Pemulihan Badan dan Pengurusan Berat Badan | 10-12 Ogos 2018 | Majlis Sukan Negeri Perak | 90 Orang Atlet |
| 11 | Bacaan Yassin Dan Solat Hajat Kontinjen SUKMA Negeri Perak | 30 Ogos 2018 | Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh | 400 Orang Atlet |
| 12 | Kem Motivasi Kita Juara Fasa 4 | 30 Ogos-01 Sept 2018 | Hotel Impiana, Ipoh | 400 Orang Atlet |
| 13 | Sports Technology and Performance Analysis Workshop | 30 November 2018 | Majlis Sukan Negeri Perak | 25 Orang Pegawai |

## 5 KURSUS-KURSUS YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2018

Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Sukan Negeri Perak Darul Ridzuan 2018 telah diadakan pada 14 Disember 2018 di Hotel Kinta riverfront, Ipoh yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Negeri Perak Darul Ridzuan bagi meraikan para atlet negeri Perak yang telah berjaya mengharumkan nama negeri Perak Darul Ridzuan di arena kebangsaan. Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa serta pengorbanan para atlet, jurulatih dan pengurus pasukan yang telah bertanding dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA), Para SUKMA dan Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA), Hoki Piala Tun Abdul Razak dan Bola Sepak Piala Malaysia tahun ini. Berikut adalah ringkasan pencapaian serta insentif yang diberikan:-

| Bil | Perkara | Tarikh | Tempat | Kumpulan Sasaran |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Sains Sukan Tahap 1 | 26 Feb-02 Mac 2018 | Majlis Sukan Negeri Perak | Jurulatih dan terbuka kepada individu yang ingin menjadi jurulatih |
| 2 | Sports Administration Course Anjuran bersama Majlis Olimpik Malaysia | 15-17 Mac 2018 | Hotel M Roof, Ipoh | Terbuka kepada individu yang aktif di dalam persatuan atau kelab sukan negeri |





# LEMBAGA MUZIUM NEGERI PERAK

Lembaga

# Muzium Negeri Perak

Lembaga Muzium Negeri Perak telah diwujudkan pada 1 Januari 1990 di bawah Enakmen Lembaga Muzium Negeri Perak (Enakmen Bil.4 tahun 1987) dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perak pada 4 Oktober 1987.

Lembaga Muzium Negeri Perak menguruskan empat buah muzium, satu kompleks sejarah dan sebuah galeri.

i. Muzium DiRaja Kuala Kangsar

ii. Kompleks Sejarah Pasir Salak

iii. Muzium Darul Ridzuan

iv. Muzium Beruas

v. Galeri Sultan Azlan Shah

vi. Galeri - Rumah Kediaman DYMM

## 1 Muzium DiRaja Kuala Kangsar

Muzium DiRaja ini mempamer rekod dan Sejarah Kesultanan Negeri Perak. Muzium ini didirikan di istana lama yang pernah disemayami oleh Almarhum Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak yang ke 30. Istana kayu yang berdindingkan kelarai ini telah dirancang pembinaannya pada tahun 1926 selepas banjir besar melanda Perak. Istana ini siap dibina sepenuhnya pada tahun 1931 dan Sultan Iskandar Shah telah berpindah bersemayam sementara di istana ini apabila Istana Negara dirobohkan untuk pembinaan istana baru iaitu Istana Iskandariah. Almarhum Sultan Iskandar Shah berpindah ke Istana Iskandariah pada tahun 1933. Istana Lembah atau Istana Tepas ini diduduki pula oleh Keluarga DiRaja Perak. Pada tahun 1960an, istana ini telah dibaikpulih dengan usaha Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan diberi nama Istana Kenangan. Pada 16 November 1986, Istana Kenangan dengan rasminya dijadikan Muzium DiRaja Perak dan menjadi salah satu tarikan pelancongan bagi negeri Perak.





## 2 Kompleks Sejarah Pasir Salak

Kompleks Sejarah Pasir Salak ini ditubuhkan pada 26 Mei 1990. Kompleks Sejarah ini mempamerkan rekod dan sejarah mengenai perjuangan orang Melayu Perak menentang penjajah Inggeris sehinggalah berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W Birch. Turut didirikan di kawasan ini ialah Galeri Menteri Besar, Galeri Keris, Terowong Sejarah, Rumah Kutai dan bangunan serta tempat sejarah lain yang mempunyai kaitan rapat dengan peristiwa bersejarah di Pasir Salak.





## 3 Muzium Darul Ridzuan

Muzium yang terletak di Bandaraya Ipoh ini ditubuhkan pada 18 Ogos 1992. Muzium ini mempamerkan rekod dan sejarah perlombongan dan perhutanan negeri Perak. Terdapat dua buah kubu perlindungan serangan udara yang dibina pada tahun 1940 bagi perlindungan penghuni dan pekerja yang tinggal di sekitar kawasan ini.



## 4 Muzium Beruas

Muzium yang terletak di pekan Beruas ini ditubuhkan pada 8 Disember 1998 dan mempamerkan rekod dan artifak mengenai sejarah Kerajaan Beruas dan Gangga Negara. Muzium ini dibina semula dari Pejabat Mahkamah lama yang telah dibuat pemuliharaan.







## 5 Galeri Sultan Azlan Shah

Galeri ini dirasmikan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Shah pada 9 Disember 2003. Galeri ini telah dibina semula dari Istana Ulu iaitu istana lama yang telah dibina pada 1898. Istana ini merupakan tempat persemayaman Almarhum Sultan Idris Shah I. Galeri ini menyimpan, memelihara dan mempamerkan koleksi dan rekod peribadi DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Shah dan juga berperanan sebagai pusat rujukan dan penyelidikan mengenai Kesultanan Negeri Perak. Galeri ini merupakan salah satu tarikan pelancongan terkini negeri Perak.



### 6 Rumah Kediaman DYMM

Rumah JKR 37, Jalan Brewster, Batu Gajah adalah rumah kediaman DYMM sehingga tahun 1949 dan rumah ini banyak meninggalkan kenangan buat diri DYMM dan keluarga. DYMM telah menitahkan supaya rumah ini dipulihara dan dipelihara serta dijadikan sebagai sebuah galeri yang mempamerkan gambar-gambar dan maklumat mengenai DYMM semasa remaja.



## SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA) PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kali ke XXII 2018 telah diadakan di negeri Melaka dengan tema “Jaringan Muzium : Pendekatan Baru, Sasaran Baru”. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa ini telah berlangsung selama 10 hari bermula pada 21 Julai hingga 29 Julai 2018. Pelbagai acara telah disusun oleh pihak penganjur dalam menjayakan sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan kali ini. Pada tahun ini, Lembaga Muzium Negeri Perak telah menghantar seramai dua puluh (20) orang pegawai dan kakitangan untuk turut serta dalam meraikan Hari Muzium Antarabangsa. Sambutan HMA Peringkat Kebangsaan 2018 yang telah berlangsung di Melaka telah memberi suatu pengalaman dan ilmu yang sangat berharga kepada semua warga muzium tentang kepentingan institusi permuziuman dalam memelihara sejarah serta ketamadunan sesebuah bangsa. Sambutan Hari Muzium ini juga dapat menonjolkan budaya dan warisan yang terdapat di Malaysia dengan pertunjukan kebudayaan dan pameran daripada warga muzium seluruh negara kepada orang ramai khusus kepada generasi muda. Program dan sambutan seperti ini dapat mempromosi peranan dan fungsi sesebuah muzium serta dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenali, mengunjungi serta dapat menyertai pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak muzium.







MAJLIS MAKAN MALAM PENUTUP
Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan
"Jaringan Muzium : Pendekatan Baru, Sasaran Baru"
TETAMU KEHORMAT
TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATUK SERI UTAMA DR. MOHD KHALIL BIN YAAKOB
GABENOR NEGERI MELAKA
ICOM
2018

















## SENARAI AKTIVITI TAHUN 2018

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak bil 1/2018 | 12 Januari |
| 2 | Pertandingan Mewarna Tulisan Jawi | 3 Mac |
| 3 | Kayuhan Basikal Klasik | 3 Mac |
| 4 | Pasir Salak Half Marathon | 11 Mac |
| 5 | Majlis Perasmian LATerasi Kewangan | 16 Mac |
| 6 | Pertandingan Melukis Dan Mewarna Laterasi | 31 Mac |
| 7 | Majlis ramah Mesra Bersama YB Tan Kar Hing, Exco Pelancongan dan Kebudayaan negeri Perak | 6 Julai |
| 8 | Bengkel Ikatan Sampin dan Tengkolok, KPM Seri Iskandar | 6 Julai |
| 9 | Konvoi Kembara Jejak Ulama | 19 Julai |
| 10 | Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2018 | 21 Julai- 29 Julai |
| 11 | Program Bermalam di Muzium | 30-31 Ogos |
| 12 | Majlis Perasmian Pameran SUKMA: Kita Juara | 19 September |
| 13 | Lawatan Kerja ke Galeri Sultan Abdul Aziz, Muzium Negara dan Kompleks Nasrul Quran | 23-24 Oktober |

## BENGKEL/SEMINAR TAHUN 2018

| Bil | Perkara | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Tekatan Benang Emas | Muzium Darul Ridzuan | 4-5 April |
| 2 | Bengkel Membuat Kotak & Menjilid Buku | Muzium Darul Ridzuan | 11 April |
| 3 | Bengkel Ikatan Sampin dan Tengkolok | Muzium Darul Ridzuan | 12 April |
| 4 | Bengkel Melukis Potret LATterasi & Bengkel Anyaman Tikar | Muzium Darul Ridzuan | 21 April |
| 5 | Bengkel Membaiki Beg Kulit dan Mencuci Barang Emas | Muzium Darul Ridzuan | 26 April |
| 6 | Bengkel Stoneart Laterasi & Bengkel Cat Air Laterasi | Muzium Darul Ridzuan | 28 April |
| 7 | Bengkel Doodle Art Laterasi | Muzium Darul Ridzuan | 12 Mei |
| 8 | Bengkel Anyaman Ketupat Daun Palas & Rendang | Muzium Darul Ridzuan | 12 Mei |

## PAMERAN SEMENTARA TAHUN 2018

| Bil | Perkara | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Pameran Laterasi Kewangan | Muzium Darul Ridzuan | 16 Mac-30 Julai |
| 2 | Pameran Konservasi sempena Majlis Perasmian Perpustaan Desa Kampung Kota Lama Kanan | Kampung Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar | 30 April |
| 3 | Pameran SUKMA : kita Juara | Muzium Darul Ridzuan | 19 September - 31 Disember |
| 4 | Pameran Kesultanan Perak sempena Karnival Sayangi Malaysia Peringkat Parlimen Padang Rengas Tahun 2018 | Sek. Men Tun Perak, Padang Rengas | 15 September |
| 5 | Pameran Tengkolok sempena Ulangtahun ke 135 Tahun Muzium Perak, Taiping | Muzium Perak, Taiping | 24-25 November |
| 6 | Pameran Kesultanan Perak sempena Program 100 Tahun Pekan Beruas | Beruas | 22 Disember |
| 7 | Pameran Kesultanan Perak sempena Hari Tanpa Kereta Bandaraya Ipoh | Jalan Raja DiHilir, Ipoh | 23 Disember |

## SENARAI LAWATAN TETAMU KENAMAAN TAHUN 2018

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Lawatan Pengadil-Pengadil sempena Piala Hoki Sultan Azlan Shah | 5 Mac |
| 2 | Lawatan Ketua Pengadil sempena Piala Hoki Sultan Azlan Shah | 8 Mac |
| 3 | Lawatan Penasihat Undang-Undang Negeri Perak YB Dato' Rohana Abd. malik | 10 Mac |
| 4 | Lawatan Mr. Chaiyapak Siriwat Presiden Persatuan Hoki Thailand | 13 April |

Jumlah Kedatangan Pelawat




Senarai muzium:
*Muzium DiRaja Kuala Kangsar ditutup bermula Januari 2018 - Januari 2020 untuk kerja-kerja konservasi
*Galeri Sultan Alan Shah ditutup bermula Julai 2018- Julai 2020 untuk kerja-kerja naiktaraf

# Senarai Aktiviti Tahun 2018



Perhimpunan Bulanan Anggota Muzium-Muzium Negeri Perak bil 1/2018




Pertandingan Mewarna Tulisan Jawi



Kayuhan Basikal Klasik




Pasir Salak Half Marathon




Majlis Perasmian LATerasi Kewangan



Pertandingan Mewarna dan Melukis Laterasi




*Majlis Ramah Mesra Bersama YB Tan Kar Hing, Exco Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak*



*Bengkel Ikatan Sampin dan Tengkolok, KPM Seri Iskandar*



*Konvoi Kembara Jejak Ulama*



*Program Bermalam di Muzium*



*Majlis Perasmian Pameran SUKMA: Kita Juara*




*Lawatan Kerja Lembaga Muzium Negeri Perak ke Galeri Sultan Abdul Aziz, Istana Alam Shah dan Kompleks Nasrul Quran*

# Bengkel/Seminar Tahun 2018



*Bengkel Tekatan Benang Emas*



*Bengkel Membaiki Beg Kulit & Mencuci Barangan Kemas*



*Bengkel Membuat Kotak & Menjilid Buku*



*Bengkel Melukis Potret Laterasi & Bengkel Anyaman Tikar*



*Bengkel Ikatan Samping dan Tengkolok*



*Bengkel Anyaman Ketupat Daun Palas & Memasak Rendang*

# Pameran Sementara Tahun 2018



*Pameran Laterasi Kewangan*




*Pameran Konservasi sempena Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Kota Lama Kanan*



*Pameran SUKMA : Kita Juara*



*Pameran Kesultanan Perak sempena Karnival Sayangi Malaysia Peringkat Parlimen Padang Rengas Tahun 2018*



*Pameran Tengkolok sempena Ulang tahun ke 135 Tahun Muzium Perak, Taiping*



*Pameran Kesultanan Perak sempena Hari Tanpa Kereta Bandaraya Ipoh*

# Lawatan Tetamu Kenamaan Tahun 2018



*Lawatan Pengadil-Pengadil sempena Piala Hoki Sultan Azlan Shah*



*Lawatan Penasihat Undang-Undang Negeri Perak YB Dato' Rohana Abd. Malik bersama Pegawai dan Kakitangan Pejabat Undang-Undang Negeri Perak*



*Lawatan Ketua Pengadil sempena Piala Hoki Sultan Azlan Shah*



*Lawatan Mr. Chaiyapak Siriwat Presiden Persatuan Hoki Thailand*

**PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERAK DARUL RIDZUAN**
Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

(605) 209 5000

(605) 255 5026

www.perak.gov.my

prosuk@perak.gov.my

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak